



# LAPORAN TAHUNAN **2017**



# SIDANG REDAKSI

## PENAUNG

TPj Dato' Hj. Idris bin Zaharudin

## PENASIHAT

KPKPj Ismajuri bin Ismail

## KETUA EDITOR

PsK Abdul Malek bin Abdullah

## PENGARANG

Pn. Norul Hazlina binti Mohmed Atar

Pn. Hairulnisak binti Kassim

## EDITOR

Ps Firdaus bin Umar@ Adli

Pn. Ayunawati Aminah binti Abdul Majid

## GRAFIK

PPs (K) Nur Shahida Azlin binti Mohamad Dee

Pn. Noor Hayati binti Yusoff

## PENYUMBANG BAHAN

En. Saidin Omar bin Muchlis

Pn. Suryana binti Sulaihin

Sidang Redaksi merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung sehingga terhasilnya penerbitan ini.

## AKRONIM GELARAN JAWATAN

Penolong Penguasa

PPs

Penolong Kanan Pesuruhjaya

KPKJ

Penolong Kanan Penguasa

PKPs

Ketua Penolong Kanan Pesuruhjaya

KPKPJ

Ketua Penolong Kanan Penguasa

KPKPs

Timbalan Pesuruhjaya

TPJ

Penguasa

Ps

Pesuruhjaya

PJ

Penguasa Kanan

PsK

Timbalan Ketua Pesuruhjaya

TKPJ

Penolong Pesuruhjaya

PPj

Ketua Pesuruhjaya

KPJ

# KANDUNGAN

<b>PERUTUSAN KETUA PESURUHJAYA SPRM</b>	i
<b>MUTIARA KATA TIMBALAN KETUA PESURUHJAYA (PENGURUSAN &amp; PROFESIONALISME) SPRM</b>	iii
<b>PERUTUSAN PENGARAH MACA</b>	iv
<b>KATA PENGARANG</b>	v
<b>MAKLUMAT KORPORAT</b>	1
Ringkasan Eksekutif	
Visi & Misi	
Objektif	
Piagam Pelanggan	
Kumpulan Sasaran	
Carta Organisasi & Kepimpinan MACA	
<b>PENCAPAIAN</b>	13
<b>ANTARABANGSA</b>	23
<b>AKADEMIK</b>	29
<b>INTEGRITI</b>	35
<b>MODAL INSAN</b>	41
<b>PENGURUSAN</b>	53
<b>PUSPANITA</b>	61
<b>KELAB KEBAJIKAN &amp; REKREASI MACA</b>	67
<b>LAMPIRAN</b>	73



*Perutusan*

**DATO' SRI MOHD SHUKRI BIN ABDULL**  
Ketua Pesuruhjaya SPRM



**Salam hormat,**

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi kesyukuran kerana dengan limpah kurnia dan izin Allah S.W.T, SPRM kini menjangkau usia Jubli Emas dan menyambut Ulang Tahun penubuhannya yang ke-50 pada 1 Oktober 2017 yang lalu. Ianya lebih bermakna dengan terbinanya Kompleks Baharu Ibu Pejabat SPRM di Putrajaya sebagai lambang Integriti yang menjadi tunjang dalam memerangi jenayah rasuah dan salah guna kuasa di negara tercinta ini.

SPRM sentiasa telus dan bebas mengatur langkah dalam melaksanakan tanggungjawab dengan penuh komitmen dan berakauntabiliti bagi membendung jenayah rasuah dan salah guna kuasa. Saya merasakan bahawa adalah amat penting untuk meningkatkan tahap integriti, tadbir urus terbaik (good governance) serta kepercayaan umum terhadap pentadbiran kerajaan dan negara kerana secara langsung ia mampu meningkatkan pelaburan dan mengukuhkan ekonomi negara. Dengan sokongan padu daripada jabatan kerajaan, agensi swasta, NGO dan masyarakat, SPRM yakin akan dapat meletakkan integriti di tahap tertinggi.

Dalam hal ini, Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) turut memainkan peranan penting kerana MACA merupakan nadi kepada SPRM untuk melahirkan modal insan yang berintegriti tinggi dan berwibawa. Pengetahuan meluas dalam aspek perundangan, kemahiran penyiasatan tahap tertinggi dan kejayaan mendakwa kes-kes berprofil tinggi merupakan produk yang dilahirkan oleh MACA.

Pada 23 Oktober 2017, SPRM melalui MACA telah memeterai satu perjanjian persefahaman (MOU) bersama Nottingham Trent University (NTU), United Kingdom bagi melaksanakan program *Professional Diploma In International Law Enforcement: Anti-Corruption Studies* bagi Kursus Asas Pegawai SPRM. Perjanjian ini bakal memberi manfaat kepada seramai 450 pegawai SPRM lantikan baharu untuk tempoh 3 tahun (2017-2020). Kolaborasi ini dilihat sebagai suatu usaha serius SPRM untuk meningkatkan kualiti akademik dan profesionalisme pegawai SPRM di samping menjana peluang baharu dalam penyelidikan antarabangsa terutamanya dalam arena pencegahan rasuah.

Sehingga detik ini, SPRM berusaha gigih melaksanakan pelbagai transformasi, mengukir kejayaan-kejayaan yang membanggakan serta mencapai pelbagai pengiktirafan demi memperjuangkan obor aspirasi rakyat bagi memastikan negara Malaysia menolak jenayah rasuah dan menjadikannya musuh nombor satu negara. Sebagai agensi pembanteras rasuah utama di Malaysia, SPRM turut menggalas tanggungjawab yang besar bersama-sama dengan badan dan agensi integriti yang lain dengan mengembalikan pengertian integriti yang lebih meluas daripada hanya sekadar membasmi amalan rasuah dan salah guna kuasa.

Akhir kata, saya berharap agar MACA terus berdiri teguh dan cemerlang dengan membantu dan mendukung aspirasi SPRM dalam usaha untuk meningkatkan kualiti dan kapabiliti perkhidmatan agensi ini ke tahap yang lebih tinggi demi kesejahteraan rakyat Malaysia seluruhnya.

Sekian, terima kasih.



## *Mutiara Kata*

**“Warga SPRM perlu bijak menyesuaikan diri dan kritis bertindak terhadap cabaran baru serta tidak boleh lagi berpegang kepada cara kerja lama kerana keperluan dan kehendak masyarakat di zaman kontemporari kini berbeza.”**

### *Lawatan Kerja dan Taklimat Khas ke MACA*

**DATO’ JA’AFAR BIN MAHAD**

Timbalan Ketua Pesuruhjaya  
(Pengurusan dan Profesionalisme) SPRM

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ  
السُّلْطَانُ اَمْرُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ كَبِيرٌ



## Perutusan

**TPj DATO' HJ IDRIS BIN ZAHARUDIN**  
Pengarah MACA

Alhamdulillah syukur ke hadrat llahi di atas segala limpah dan kurnianya maka terhasillah Laporan Tahunan MACA 2017 ini. Sebagai sebuah Institut Latihan Awam (ILA) yang bertanggungjawab membentuk dan melatih pegawai SPRM yang berintegriti tinggi, MACA optimis mengorak langkah ke depan membawa aspirasi negara memerangi rasuah secara total demi negara tercinta.

Sehingga kini, MACA telah mempamerkan pencapaian cemerlang dalam melahirkan pegawai-pegawai SPRM yang berwibawa serta menghasilkan program latihan yang menepati kehendak dan aspirasi kerajaan untuk membangun sebuah negara maju tanpa membelakangi nilai-nilai murni dalam melahirkan masyarakat yang mempunyai jati diri dan berintegriti.

Seiring dengan aspirasi tersebut, MACA sentiasa berusaha untuk menghasilkan perancangan program latihan yang berkesan setiap tahun dengan melaksanakan Analisis Keperluan Latihan (TNA) serta senantiasa mengemaskini modul latihan asas yang disediakan. Kejayaan merealisasikan Program Akreditasi Latihan Asas Pegawai SPRM yang bermula pada 1 Ogos 2018 dengan kerjasama Nottingham Trent Universiti (NTU), United Kingdom menjadi satu batu loncatan untuk MACA melangkah lebih jauh ke hadapan.

Saya percaya bahawa SPRM berada di landasan yang betul melalui pembangunan modal insan berintegriti tinggi yang mampan oleh MACA. Kejayaan MACA pada hari ini tentunya hasil daripada kepercayaan, keyakinan, usaha dan sokongan pelbagai pihak terhadap kepimpinan sedia ada dan amalan nilai-nilai murni yang menjadi tunjang kesejahteraan negara.

Semoga MACA akan terus berdiri teguh dan cemerlang sebagai tulang belakang SPRM dalam memerangi jenayah rasuah dan salahguna kuasa demi agama, bangsa dan negara.

Sekian, terima kasih.



## Kata Pengarang

**PsK ABDUL MALEK BIN ABDULLAH**

Ketua Pengarang

Assalamualaikum wbt dan salam sejahtera,

Syukur ke hadrat ilahi kerana dengan limpah kurnia-Nya Laporan Tahunan MACA 2017 telah dapat diterbitkan bagi tahun 2017. Selaku Ketua Pengarang bagi penerbitan kali ini, saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua warga MACA yang terlibat terutamanya Sidang Redaksi yang telah bertungkus-lumus dan berganding bahu dalam menjayakan penerbitan ini.

Agenda memperkasa modal insan melalui pengukuhan aspek pengetahuan dan kemahiran sentiasa menjadi fokus utama dalam melaksanakan program latihan di MACA. Umum tahu, SPRM merupakan agensi tunggal di Malaysia yang menjalankan peranan sebagai agensi yang menguatkuasakan undang-undang untuk membanteras jenayah rasuah. Sebagai pegawai penguatkuasa undang-undang yang menggalas tugas membanteras jenayah rasuah, pengetahuan dan kemahiran merupakan elemen penting bagi memastikan tugas-tugas seperti pengesanan jenayah rasuah, siasatan terhadap kes-kes rasuah, pendakwaan di peringkat mahkamah dan mendidik masyarakat untuk membenci jenayah rasuah dapat dilaksanakan dengan sempurna. Justeru, MACA sebagai pusat latihan sentiasa menitik beratkan keperluan dan kehendak program latihan yang dapat mempertingkat dan memperkasakan modal insan semua pegawai SPRM khususnya dan kakitangan SPRM amnya.

Selain memperkasa pembangunan modal insan SPRM secara dinamik, progresif dan berterusan yang diterajui MACA, tanggungjawab meningkatkan kapasiti dan kapabiliti sektor awam, swasta dan antarabangsa dalam usaha pencegahan jenayah rasuah melalui perkongsian bistrari dan strategik juga merupakan agenda utama program latihan MACA. Bagi meningkatkan penglibatan sektor awam dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) menghadiri program latihan pencegahan rasuah di MACA, pengiktirafan sebagai penyedia latihan (*training provider*) yang didaftarkan di bawah Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia (*Human Resource Development Fund – HRDF*) berdasarkan Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad 2001 telah diperolehi pada 13 Jun 2017 untuk tempoh tiga tahun. Pengiktirafan sebagai ‘*training provider*’ ini secara tidak langsung mengiktiraf peranan MACA sebagai pusat latihan pencegahan rasuah dan dapat menggalakkan sektor swasta dan GLC untuk menjalani program latihan berkaitan pencegahan rasuah secara berterusan.

Akhir kata, Sidang Redaksi sekali lagi mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang telah menjayakan penerbitan Laporan Tahunan MACA 2017. Semoga komitmen dan semangat jitu yang ditunjukkan oleh warga MACA pada tahun 2017 dapat diteruskan pada tahun mendatang selaras dengan visi MACA ‘Menjadi Sebuah Pusat Kecemerlangan Pencegahan Rasuah Bertaraf Serantau dan Antarabangsa’.



# MAKLUMAT KORPORAT

---

## RINGKASAN EKSEKUTIF

Sabtu tahun, perancangan disusun rapi oleh Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) bagi memastikan setiap program latihan yang ditawarkan mampu memberi impak yang maksima terhadap setiap peserta dan organisasi yang menyertainya.

### Pencapaian Gemilang Program Latihan MACA

Surat Arahan Penangguhan Penguatkuasaan Pelaksanaan Dasar Program Latihan Tujuh Hari Setahun Bagi Anggota Perkhidmatan Awam oleh Jabatan Perkhidmatan Awam telah dikuatkuasakan sejak Februari 2016. Sungguhpun ia memberi impak terhadap permintaan dan penawaran program latihan secara amnya, namun MACA masih berjaya mengekalkan perancangan terbaik sebanyak 57 program latihan sepanjang tahun 2017.

Lebih membanggakan lagi apabila sejumlah 84 program latihan telah berjaya dilaksanakan pada tahun 2017 termasuk 24 program latihan keperluan semasa (*ad-hoc*) dan 12 program latihan *customised* (kursus mengikut keperluan pelanggan). Di samping itu, beberapa perubahan turut dilaksanakan mengikut perancangan awal dan keperluan semasa bagi memperoleh hasil yang cemerlang.

### Program Akreditasi Kursus Asas Pegawai SPRM: SPRM – Nottingham Trent University (NTU) United Kingdom

Sebagai sebuah akademi yang menggalas amanah melahirkan pegawai SPRM yang unggul dan berwibawa, MACA sentiasa memandang jauh ke hadapan untuk memastikan Malaysia tidak dibelenggu jenayah rasuah dan salahguna kuasa. MACA melakar sejarah tersendiri apabila menyambut peluang yang ditawarkan oleh Nottingham Trent University (NTU) United Kingdom untuk menjalin kerjasama menaiktaraf Kursus Asas Pegawai SPRM ke peringkat yang lebih tinggi.

Setelah mengharungi pelbagai cabaran dan rintangan, akhirnya hasrat tersebut tercapai apabila Ketua Pesuruhjaya SPRM menandatangani perjanjian program tersebut pada 23 Oktober 2017 di Nottingham Trent University (NTU), United Kingdom. Program Akreditasi Kursus Asas Pegawai SPRM Gred P29 iaitu Program Pengajian *Professional Diploma in International Law Enforcement: Anti-Corruption Studies* akan memulakan sesi pada tahun 2018.



## **Pusat Pematuhan Pencegahan Rasuah Korporat (CACCC)**

SPRM telah melaksanakan pelbagai program untuk membudayakan integriti dan pencegahan rasuah dalam cara masyarakat korporat menjalankan urusniaga. Langkah-langkah standard pencegahan baru yang diiktiraf diperingkat antarabangsa iaitu *ISO 37001:2016 Anti-Bribery Management System* turut diperkenalkan pada tahun 2016.

Pindaan terhadap peruntukan seksyen turut dilaksanakan kepada Akta SPRM 2009 yang mana akan memberi lebih akauntabiliti kepada dunia korporat (*corporate liability*), lebih-lebih lagi apabila ia akan berkuatkuasa sepenuhnya menjelang 2020.

Pusat Pematuhan Pencegahan Rasuah Korporat (*Corporate Anti-Corruption Compliance Centre atau CACCC*) diwujudkan secara pentadbiran pada 16 Jun 2017 sebagai satu usaha untuk melibatkan warga korporat dalam pembanterasan jenayah rasuah. CACCC memberi khidmat tentang kesedaran mengenai isu-isu rasuah serta langkah-langkah pencegahan rasuah dan salahguna kuasa melalui program latihan.

Program-program yang berdasarkan langkah-langkah pencegahan rasuah ini termasuklah Bengkel Pengurusan Risiko Rasuah (*Corruption Risk Management*), *Legal Requirements Complementing ISO37001:2016 Anti-Bribery Management System* dan kursus perlaksanaan *Corporate Integrity System Malaysia*.

Sektor swasta boleh mendapatkan perkhidmatan CACCC menerusi program-program terancang Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) berdasarkan prospektus atau kursus-kursus dalam khas untuk syarikat-syarikat tertentu mengikut keperluan masing-masing.



## **MACA Diiktiraf Penyedia Latihan Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia Berhad (HRDF)**

Bagi meluaskan lagi peranan MACA dalam menyediakan latihan berkaitan pencegahan rasuah, MACA berkolaborasi dengan Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia Berhad atau lebih dikenali sebagai *Human Resource Development Fund* (HRDF) berkuatkuasa 13 Jun 2017 hingga 12 Jun 2020. HRDF merupakan peneraju peningkatan kemahiran dan kemahiran semula pekerja tempatan di bawah Kementerian Sumber Manusia. Peranan HRDF kini telahpun berkembang daripada pengurusan dana pembangunan sumber manusia kepada sebuah pusat sehenti yang menyediakan penyelesaian sumber manusia yang meluas kepada perusahaan kecil dan sederhana Malaysia.

Dengan pengiktirafan MACA sebagai *Training Provider* di bawah skim latihan HRDF, ianya membuka lebih banyak peluang kepada majikan sektor swasta, korporat mahupun Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) untuk menyertai program-program latihan berkaitan pencegahan rasuah anjuran MACA.



## **Aspirasi MACA 2018**

Adalah menjadi aspirasi MACA untuk mempertingkatkan kualiti dan kecemerlangan latihan yang disediakan dari semasa ke semasa. Kejayaan MACA diiktiraf dan diakreditasikan oleh Nottingham Trent University (NTU) United Kingdom untuk melaksanakan Program *Professional Diploma in International Law Enforcement: Anti-Corruption Studies* bagi pengambilan baru pegawai SPRM Gred P29 merupakan satu pencapaian yang amat membanggakan. Kesinambungan daripada kejayaan tersebut, pelbagai lagi perancangan diatur rapi untuk memantapkan lagi perjalanan Program Akreditasi Latihan Asas Pegawai SPRM. MACA juga mempunyai perancangan untuk mendapatkan akreditasi daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) bagi semua program-program latihan yang dilaksana oleh MACA.

Dalam masa sama, MACA masih meneruskan kolaborasi bersama beberapa institusi pengajian awam dan swasta tempatan seperti Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Malaya dan HELP University serta sentiasa mengintai peluang berkolaborasi dengan universiti tempatan yang lain bagi meningkatkan kapabiliti pegawai-pegawai SPRM yang sedang berkhidmat.

Di samping itu, dalam usaha untuk menyediakan program yang berimpak tinggi, MACA turut merancang untuk melaksanakan Pentauliahan Pensyarah khusus untuk pensyarah-pensyarah yang terlibat dengan program-program latihan yang dilaksanakan oleh MACA. Ia bertujuan untuk meningkatkan kompetensi dan daya saing peserta yang menyertai program latihan di samping menjaga kualiti pembelajaran dan kemahiran yang dipersembahkan.

Sepanjang tempoh hampir 12 tahun MACA mencipta nama sebagai pusat latihan kecemerlangan pencegahan rasuah di rantau ini, pelbagai bahan pembelajaran dan modul-modul kursus telah dihasilkan. Bagi memelihara khazanah berharga tersebut daripada disalahguna oleh pihak yang tidak bertanggungjawab, MACA bertekad untuk mendaftar hakcipta tersebut menjadi hak milik MACA sepenuhnya mulai 2018. Hak Cipta (*copyright*) adalah hak eksklusif yang diberikan oleh undang-undang untuk tempoh masa tertentu kepada pencipta karya untuk mengawal penggunaan karya tersebut tertakluk di bawah Akta Hakcipta 1987. Hal ini amat penting bagi memastikan kualiti bahan pembelajaran dan modul-modul kursus dipelihara.

Melihat kepada perkembangan positif penyediaan program latihan dalam sektor pencegahan rasuah, MACA mengambil langkah proaktif untuk menyebarluas ilmu dan kepakaran yang dimiliki dalam bidang tersebut ke sektor swasta. Meletakkan matlamat pembanterasan rasuah sebagai agenda utama, MACA sentiasa memberi komitmen padu melalui cabang pendidikan dan pembelajaran dalam memastikan SPRM dapat menjalankan peranan dan fungsinya terhadap sektor swasta yang seterusnya memberi impak positif terhadap masyarakat Malaysia seluruhnya. Tidak berhenti di situ, MACA turut beraspirasi untuk berkongsi ilmu dan kepakaran di peringkat antarabangsa melalui penyertaan dalam seminar-seminar antarabangsa.

# VISI & MISI



## VISI

Menjadi sebuah pusat kecemerlangan pencegahan rasuah bertaraf serantau dan antarabangsa.

## MISI

- 1** Menerajui pembangunan modal insan SPRM secara dinamik, progresif dan berterusan;
- 2** Meningkatkan kapasiti dan kapabiliti sektor awam dan swasta dalam usaha pencegahan rasuah melalui perkongsian bestari; dan
- 3** Menjalin rangkaian perkongsian strategik di peringkat antarabangsa melalui program latihan pencegahan rasuah.



# **PIAGAM PELANGGAN**

Kami berjanji merancang dan melaksanakan program latihan yang berkualiti dan menepati keperluan pelanggan dengan:

Menyampaikan maklumat program latihan kepada pelanggan sekurang-kurangnya dua (2) minggu untuk program domestik dan tiga (3) bulan bagi program antarabangsa sebelum kursus bermula;

Melaksanakan sekurang-kurangnya 90% daripada program latihan yang dirancang setiap tahun;

Menjalankan sekurang-kurangnya dua (2) kajian setahun;

Menghasilkan sekurang-kurangnya dua (2) penerbitan setahun;

Menjalankan sekurang-kurangnya dua (2) konsultasi berbentuk latihan setahun;

Menyediakan laporan penilaian program latihan selewat-lewatnya dua (2) minggu selepas tamat program; dan

Memastikan penyampaian penceramah program latihan mendapat penilaian tidak kurang daripada lapan puluh (80) peratus.

## KUMPULAN SASARAN

Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia mensasarkan latihan dan program pencegahan rasuah kepada para peserta dari dalam dan luar negara. Penglibatan empat kumpulan sasaran ini mencerminkan peranan MACA sebagai institusi latihan khusus dalam pencegahan rasuah. Empat kumpulan sasaran MACA tersebut:

**01** Warga SPRM


**02** Jabatan / Agensi Kerajaan  
dan Agensi Penguatkuasa  
Tempatan

**03** Sektor Swasta

**04** Peserta dari Organisasi  
dan Agensi Penguatkuasa  
Antarabangsa

# CARTA ORGANISASI

AKADEMI PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA



# BARISAN KEPIMPINAN

AKADEMI PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA



TPj DATO' HJ IDRIS  
BIN ZAHARUDIN

Pengarah



P/TPj DATO' P GANASON A/L  
S PERIATHAMBY

Ketua Pegawai Eksekutif  
*Corporate Anti-Corruption Compliance  
Centre*



KPKPj ABDUL RAZAK  
BIN DERAOF

Timbalan Pengarah (Pengurusan)



KPKPj ABDUL RAZAK  
BIN HAMZAH

Timbalan Pengarah (Akademik) /  
Ketua Pusat Pengajian Antarabangsa



KPKPj ZUHAIRIE  
BIN ABU BAKAR

Timbalan Pengarah (Latihan Asas) /  
Ketua Pusat Latihan Asas

# BARISAN KEPIMPINAN

AKADEMI PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA



**PKPj ROSLAN BIN RAMLI**

Ketua Pusat Pembangunan  
Integriti Korporat



**P/PKPj HJ MANSOR BIN ALI**

Ketua Akademik



**PsK ABDUL MALEK  
BIN ABDULLAH**

Ketua Pusat Perancangan,  
Penyelidikan dan Korporat



**PPj UMI KALUSOM  
BINTI AHMAD**

Ketua Sekolah Penyiasatan  
dan Forensik



**PPj IRAWAN BIN KHLIR**

Ketua Sekolah Perisikan dan  
Pengesanan



**PPj ERFIEZA BIN MUJEINI**

Ketua Sekolah Perundungan  
dan Pendakwaan



**PsK HUZAIMI BIN HUSAIN**

Ketua Sekolah Pencegahan Rasuah  
dan Pengurusan



**PPj MOHD SAUD AYUTOLLAH  
BIN ABDUL MANAN**

Ketua Pusat Kecemerlangan  
Kepimpinan SPRM /  
Ketua Sekolah Anti Pengubahan Wang  
Haram dan Lucut Hak (AMLFOP)



**PN. KATHERENE SHAMALA  
A/P NAGESWARAN**

Ketua Bahagian Pengurusan



# PENCAPAIAN

---

## PENCAPAIAN PROGRAM LATIHAN TAHUNAN MACA 2017

Sepanjang tahun 2017, pelbagai program latihan telah berjaya dilaksanakan oleh MACA. Daripada 57 kursus yang disasarkan, MACA telah berjaya melaksanakan sebanyak 84 kursus melibatkan sejumlah 2,098 peserta terdiri daripada warga SPRM, Agensi Awam, Sektor Swasta dan Antarabangsa.



**Kategori Program Latihan Tahunan SPRM 2017**



**Kategori Peserta Program Latihan Tahunan SPRM 2017**

## Senarai Agensi Tempatan Yang Melaksanakan Kursus dengan MACA 2017



FELDA Global Ventures Holding Berhad (FGV)



Biro Pengaduan Awam (BPA)



Akademi Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ)



Bahagian Farmasi Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)



Jabatan Integriti Tenaga Nasional Berhad (TNB)



Jabatan Perhutanan Negeri Sarawak



Bahagian Kawalan Penapisan Filem dan Penguatkuasaan Kementerian Dalam Negeri (KDN)

Suruhanjaya Telekomunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM)



Juruaudit Majlis Amanah Rakyat (MARA)



Jabatan Perhilitan Semenanjung Malaysia



Bahagian Optometri Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)



Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)



Jabatan Tanah dan Survei Sarawak



Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia



## **Senarai Agensi Antarabangsa Yang Melaksanakan Kursus dengan MACA 2017**



State Audit Institution (SAI) Oman



Anti-Corruption Commission (ACC) Bhutan



Commission to Investigate Allegations of Bribery or Corruption  
(CIABOC) Sri Lanka



Fiji Independent Commission Against Corruption (FICAC), Fiji



United State Agency for International Development, US

# TAHUKAH ANDA?

## PROGRAM AKREDITASI KURSUS ASAS PEGAWAI SPRM: SPRM-NOTTINGHAM TRENT UNIVERSITY (NTU), UNITED KINGDOM



► Mendapat  
**Kelulusan** Kerajaan Malaysia



► Perjanjian 3 tahun  
bermanfaat untuk **450** pegawai SPRM lantikan baharu



Quality Assurance Agency for  
Higher Education

► Diiktiraf  
**Quality Assurance Agency (QAA)**  
United Kingdom

► Setanding  
**Profesional Diploma United Kingdom**



► Profesional Diploma in International —  
Law Enforcement: Anti-Corruption Studies  
(Level 5) Gred P29 ditawarkan



**Anugerah Emas**  
Ketua Pesuruhjaya SPRM



## Kolaborasi SPRM - Nottingham Trent University (NTU) United Kingdom Legasi Masa Depan SPRM


Demi menjaga reputasi sebagai hab latihan pemberantasan rasuah di rantau Asia Pasifik, MACA perlu memberi jaminan kepada komuniti domestik, serantau dan antarabangsa bahawa kualiti latihan yang disediakan oleh MACA adalah menepati keperluan profesion pemberantasan rasuah diperingkat domestik dan juga antarabangsa. Pembangunan dan pengukuhan kapasiti dan kapabiliti modal insan yang memberi penekanan serius terhadap kompetensi, kelayakan dan daya saing pegawai SPRM diberi keutamaan. Selaras dengan itu, pucuk pimpinan tertinggi SPRM menggesa MACA menaik taraf setiap latihan yang dilaksanakan serta mencapai akreditasi akademik setanding dengan institusi pengajian tinggi dari dalam dan luar negara.

Beberapa siri perbincangan telah diadakan dengan institusi-institusi pengajian tinggi tempatan dan antarabangsa terpilih. Pada 6 Februari 2017, Nottingham Trent University, United Kingdom telah menyatakan hasrat untuk berkolaborasi dengan SPRM melalui *"Letter of Intention to Collaborate"*. Hasrat tersebut telah dipersetujui oleh pucuk pimpinan tertinggi SPRM pada 13 Mac 2017 yang ditandatangani oleh Y.Bhg Datuk Seri Azam bin Baki, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM untuk menjadikan akreditasi Kursus Asas Pegawai SPRM Gred P29 sebagai penanda aras pertama.

Proses pembentangan dan validasi Kursus Asas Pegawai SPRM telah dibuat dengan memenuhi kehendak dan kriteria *Quality Assurance Agency* (QAA), UK di hadapan panel bebas yang dilantik oleh QAA. Akhirnya kursus asas ini berjaya melepassi piawaian kelayakan *Professional Diploma in International Law Enforcement: Anti-Corruption Studies (Level 5)*.

Setelah mendapat kelulusan pihak kerajaan, SPRM akhirnya menjalin kerjasama strategik dengan Nottingham Trent Universiti (NTU), United Kingdom dengan memeterai Perjanjian Persefahaman (MoU) Program Akreditasi Kursus Asas Pegawai SPRM pada 23 Oktober 2017 di Nottingham Trent University (NTU), United Kingdom. MoU telah ditandatangani oleh YBhg. Tan Sri Dzulkifli bin Ahmad, Ketua Pesuruhjaya SPRM dan turut hadir menyaksikan detik bersejarah tersebut adalah YBhg. Dato' Sri Ahmad Khusairi bin Yahaya, Pengarah Jabatan Perisikan, YBhg. Dato' Norazlan bin Mohd Razali, Ketua Eksekutif Pejabat Ketua Pesuruhjaya SPRM, YBhg. Dato' Hj. Idris bin Zaharudin, Pengarah MACA dan KPKPj Zuhairie bin Abu Bakar, Ketua Pusat Latihan Asas MACA.

Program *Professional Diploma in International Law Enforcement: Anti-Corruption Studies (Level 5)* bagi Kursus Asas Pegawai SPRM Gred P29 ini memulakan pengajian pada tahun 2018. Perjanjian tiga tahun tersebut bakal memberi manfaat kepada seramai 450 pegawai SPRM lantikan baru.



# **MODUL**

***Professional Diploma in International Law Enforcement:  
Anti-Corruption Studies***




**Comply with the FHEQ Descriptor Level 5 -  
Quality Assurance Agency (QAA) United Kingdom**



# KRONOLOGI

## Program Akreditasi Kursus Asas Pegawai SPRM SPRM-Nottingham Trent University, United Kingdom



## **Human Resource Development Fund (HRDF) iktiraf MACA**

Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) telah diiktiraf sebagai Penyedia Latihan Bertauliahan (*Training Provider*) oleh Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) atau lebih dikenali sebagai *Human Resource Development Fund (HRDF)* berkuatkuasa 13 Jun 2017 hingga 12 Jun 2020.

HRDF merupakan peneraju peningkatan kemahiran dan kemahiran semula pekerja tempatan di bawah Kementerian Sumber Manusia. Peranan HRDF kini telahpun berkembang daripada pengurusan dana pembangunan sumber manusia kepada sebuah pusat sehenti yang menyediakan penyelesaian sumber manusia yang meluas kepada perusahaan kecil dan sederhana Malaysia.

MACA merupakan satu-satunya Penyedia Latihan Bertauliahan di bawah HRDF yang menawarkan kursus yang menjurus kepada agenda memerangi rasuah. Dengan pengiktirafan ini, ia sekaligus membuktikan bahawa MACA sememangnya mempunyai tenaga pelatih yang kompeten dalam melatih syarikat serta agensi awam dan swasta.

Secara tidak langsung, MACA turut membantu memacu ekonomi negara dalam usaha untuk menggalakkan majikan yang tertakluk di bawah Akta PSMB 2001 agar melatih semula dan meningkatkan kemahiran pekerja tempatan, perantis dan pelatih mereka agar setanding dengan dunia perniagaan global yang berkembang pantas, di samping mencapai aspirasi syarikat dan agensi masing-masing. Lebih menarik, di bawah skim ini, agensi atau individu yang berdaftar layak membuat tuntutan semula kos latihan daripada tabung latihan HRDF.



## **Penubuhan Pusat dan Sekolah Secara Pentadbiran**

### ***Corporate Anti-Corruption Compliance Centre (CACC)***

Pusat Pematuhan Pencegahan Rasuah Korporat (*Corporate Anti-Corruption Compliance Centre*) diwujudkan secara pentadbiran pada 16 Jun 2017 bagi memenuhi keperluan sektor swasta dan korporat dalam usaha membanteras isu rasuah.

CACCC memberi khidmat secara latihan tentang kesedaran mengenai isu rasuah serta langkah-langkah pencegahan rasuah dan salahguna kuasa melalui program latihan seperti *Anti-Bribery Management System*, *Corruption Risk Management* dan *Anti Corruption Certification Program*.

Program-program ini dilaksanakan melalui 2 kaedah iaitu program latihan terancang SPRM berdasarkan prospektus dan kursus *customised* yang berdasarkan permintaan agensi luar.

### **Sekolah AMLFOP & Lucut Hak**

Kebelakangan ini, jenayah yang melibatkan pengubahan wang haram semakin berleluasa. Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 AMLATFAPUAA 2001 (Akta 613) mengandungi peruntukan mengenai dua jenis kesalahan iaitu kesalahan pengubahan wang haram dan kesalahan membiayai keganasan. Selain itu, akta ini juga mengandungi peruntukan mengenai pelucutahan harta pengganas dan harta yang terlibat dalam pengubahan wang haram dan kesalahan membiayai kegiatan keganasan. Rasuah adalah salah satu sumber yang boleh menjurus kepada jenayah tersebut, tetapi dana yang disumbangkan kepada keganasan berkemungkinan daripada sumber wang bersih atau wang kotor dari kegiatan jenayah.

Pelbagai usaha telah dijalankan oleh SPRM dalam penyiasatan kes rasuah dan kebanyakan kes ini menjurus kepada aktiviti pengubahan wang haram yang melibatkan jutaan ringgit dan aset berharga. Justeru bagi meningkatkan kompetensi pegawai-pegawai SPRM, terutama dalam aspek penyiasatan kes-kes melibatkan pengubahan wang haram dan pelucutahan, MACA telah menubuhkan Sekolah Anti Pengubahan Wang Haram & Lucut hak (Sekolah AMLFOP) secara pentadbiran pada 25 Julai 2017.

PPj Mohd Saud Ayutollah Bin Abdul Manan telah dilantik sebagai Ketua Sekolah AMLFOP yang pertama. Kursus pertama yang dijalankan oleh Sekolah AMLFOP adalah Program Latihan *Anti Money Laundering* dan Lucut hak pada September 2017. Kursus tersebut telah dijalankan bersama Sekolah Siasatan dan dihadiri oleh seramai 32 orang pegawai SPRM gred P29 hingga P48.



# ANTARABANGSA

---

## **Program Latihan *Basic Training on Anti-Corruption Studies for Anti-Corruption Commission (ACC) Bhutan***

Kredibiliti SPRM sebagai Agensi Pencegahan Rasuah sering menjadi sumber rujukan kepada agensi-agensi pencegahan rasuah seluruh dunia. Justeru, Anti-Corruption Commission (ACC) Bhutan menaruh kepercayaan sepenuhnya kepada SPRM melalui MACA untuk menyediakan Program Latihan Asas yang jitu untuk pegawai-pegawaiannya bermula daripada 3 hingga 26 April 2017.

Program Latihan Asas ACC Bhutan yang djalankan di MACA di bawah kendalian Pusat Pengajian Antarabangsa ini melibatkan seramai 22 pegawai lantikan baru yang bakal berkhidmat dengan Anti-Corruption Commission (ACC) Bhutan. MACA amat berbesar hati kerana dapat berkongsi pengetahuan dengan agensi antarabangsa dalam usaha untuk menyebar luas kemahiran dan kepakaran pencegahan rasuah kepada agensi-agensi lain.

Sepanjang 3 minggu program dijalankan, para peserta diberi kefahaman yang jelas tentang permasalahan jenayah rasuah semasa yang semakin kompleks serta kaedah berkesan untuk mencegahnya. Para peserta juga turut didedahkan dengan kemahiran dan pengetahuan untuk memerangi rasuah dengan mempelajari teknik-teknik terbaik untuk berhadapan dengan isu rasuah demi mewujudkan komuniti bebas rasuah di negara mereka. Kerjasama erat di antara SPRM dan ACC Bhutan ini mengukuhkan lagi hubungan di antara kedua-dua agensi sehingga kini.



Program latihan asas diberikan kepada pegawai lantikan baru yang akan berkhidmat dengan Anti-Corruption Commission (ACC) Bhutan.

## **Program Latihan *Capacity Building On Natural Resources Corruption* di Fiji**



KPKPj Abdul Razak bin Hamzah menyampaikan ceramah dalam Program Latihan *Capacity Building On Natural Resources Corruption*.

Jenayah rasuah merupakan suatu perlakuan yang boleh menghancurkan sesebuah negara. Perjuangan menentang jenayah rasuah juga meliputi pelbagai bidang, tidak terbatas kepada bidang tertentu sahaja.

Program latihan *Capacity Building On Natural Resources Corruption* yang dilaksanakan pada 21 hingga 25 Ogos 2017 telah membawa nama MACA sebagai peneraju pusat kecemerlangan pencegahan rasuah ke Fiji. Program latihan ini dilaksanakan atas permintaan Fiji Independent Commission Against Corruption (FICAC).

Program latihan 5 hari yang dikemudi oleh Pusat Pengajian Antarabangsa MACA ini memberi penekanan terhadap kefahaman tentang rasuah dalam sektor sumber alam semulajadi. Seramai 53 pegawai penyiasat FICAC yang menyertai kursus ini dilatih dengan kemahiran menyiasat perlakuan rasuah dalam industri perikanan, pembalakan, perlombongan dan penerokaan tanah.

## **Program Latihan *Intelligence Based Investigation (IBI)* Bersama *State of Audit Institution, Oman***

Pada 26 hingga 30 Mac 2017, MACA melalui Pusat Pengajian Antarabangsa telah diberi mandat dan kepercayaan sekali lagi untuk melaksanakan program latihan *Intelligence Based Investigation (IBI)* untuk State of Audit Institution (SAI) di Oman.

Program latihan tersebut dihadiri oleh seramai 22 orang pegawai State of Audit Institution (SAI) Oman yang terdiri daripada Juruaudit dan Controller jabatan tersebut.

Menerusi program latihan 5 hari ini, peserta dilatih untuk membina kefahaman, kemahiran dan pengetahuan disamping menggunakan aplikasi C10 IBI secara teori dan praktikal. Para peserta juga turut didekah dengan kemahiran asas dan kepakaran yang diperlukan dalam melaksanakan tugas-tugas penyamaran.



Peserta kursus khusyuk memberi perhatian semasa sesi ceramah.

## Testimoni Program Corruption Risk Management Mei 2017



”

### MR. KRISHNEEL REDDY Fiji Independent Commission Against Corruption

*It was a very good training with relevant exercises and activities (practical) that stimulated learning and understanding. Really appreciate the site visit to Petronas which enabled understanding of CRM implementation in organizations. The accommodation and other travelling logistics were very good and excellently done. Thank you.*

”



”

### MR. ANAKELETO TAWAKE Fiji Independent Commission Against Corruption

*Have really learnt a lot from the course. The application of CRM had really assist me in my daily work (fighting corruption). Thank you Mr Teh for the whole knowledge.*

”



”

### MR. MUHAMMAD AR MASZRI BIN ABD AZIZ Jabatan Kastam Diraja Malaysia

*The instructor is very good and he had presented the module very well. This course is very useful and can be implemented in our organization in term of reducing the corruption. Otherwise, this type of course should be held in other place and country to promote the module about fighting corruption activities.*

”

## Testimoni Program *Intelligence Based Investigation* Julai 2018

“

**MR. UGYEN DORJI**  
**Anti-Corruption Commission Bhutan**



*Overall content of the course was very relevant and the experience shared was helpful. The logistics are well organised. I look forward for more similar training and mutual understanding in the future. Also the undercover insight was well explained. Thank you.*

”

“

**MR. RINZIN JAMTSO/JAMTSO**  
**Anti-Corruption Commission Bhutan**



*Everything was beyond my expectation. I really thank you all (facilitators, coordinators, management) and we Bhutanese always would like to thank MACC for generous support in every engagement that we have till date. Thank you MACC and Malaysia.*

”

“

**MR. VEDER JEANS YVES YANNICK**  
**Independent Commission Against Corruption,  
Mauritius**



*Really a good course and a highly enjoyable week. The lecturers/trainers were excellent combining theories and their own experiences. The interactive atmosphere and live examples of the country case used for illustration were interesting ones. I have personally gained a lot amount of knowledge in the course and I am sure it will help me a lot in my daily duties. Thank you all for your great work and dedication to share and teach us. Hats off to your team and keep it up.*

”

*it will help me a lot in my daily duties. Thank you all for your great work and dedication to share and teach us. Hats off to your team and keep it up.*

## Testimoni Program Certified Integrity Officer (International) Series 5

“

### MR. WAISEA QIO Fiji Independent Commission Against Corruption

The CeIO Program is one of the most effective program that encompass the blending of proactive and active measures to combat corruption. It enriches my knowledge on the concept of integrity program and with the skills I gained from every high and experienced expert on corruption perspective will assist me to develop my experience and most importantly to develop the concept to my organization.



”

### MR. ROHIT RAJNESH PRASAD Fiji Independent Commission Against Corruption

This course was very helpful to me in regards of being integrity officer in future of how one should behave in an environment of personnel and professional relationship. Doing the right thing is a core objective of being an integrity officer. Thank you all for this CeIO Course.



”

A photograph of a group of young men in dark grey military-style uniforms, including berets with red plumes, marching in formation. One cadet in the foreground is prominently featured, holding a long-sabre with both hands. They are moving across a paved area under a clear sky.

# AKADEMIK

---

## Pegawai Penguatkuasaan Farmasi KKM Tajamkan Teknik dan Kemahiran Risikan

MACA bukan sahaja menjadi pusat latihan kepada pegawainya sendiri, malah turut memberi latihan kepada agensi kerajaan lain dan sektor swasta. Sejajar dengan tugas risikan yang semakin mencabar dan berisiko, Sekolah Perisikan dan Pengesahan menawarkan kursus-kursus yang menjurus kepada teknik-teknik risikan terkini dan berkemahiran tinggi.

Program Latihan Teknik Perisikan Untuk Pegawai Farmasi merupakan *Customised Course* iaitu program latihan yang dipaten khas mengikut kehendak Jabatan Farmasi Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Ia telah dianjurkan pada 11 hingga 13 Julai 2017 dan disertai oleh seramai 27 peserta termasuk Pengarah Jabatan Farmasi sendiri iaitu Tuan Haji Adnan bin Salimin. Objektif utama program latihan ini ialah untuk mendedahkan peserta kursus tentang teknik mendapatkan maklumat secara sulit dalam tugas risikan. Selain itu, program latihan ini juga menjelaskan kepada peserta tentang kepentingan peralatan teknikal dalam tugas risikan bagi menghasilkan maklumat yang tepat dan berkualiti.

Bagi memberi pemahaman yang lebih komprehensif kepada peserta, sesi latihan dilaksanakan di akhir program yang mana situasi sebenar dirakam dan dipersembahkan oleh setiap kumpulan bagi merasai pengalaman sebenar membuat risikan menggunakan teknik-teknik yang dipelajari.



Penceramah berkongsi ilmu dan pengalaman dengan peserta.

## Program Latihan “2 in 1” untuk Jabatan Perhutanan Sarawak

Pada 20 hingga 24 November 2017 bertempat di Hotel Harbour View, Kuching, Sarawak, seramai 29 orang pegawai daripada Jabatan Perhutanan Sarawak telah menyertai program latihan Siasatan dan Perisikan oleh MACA. Pengarah Jabatan Perhutanan Sarawak, Tuan Haji Sapuan bin Ahmad turut berminat menyertai program latihan ini yang dirumus khas untuk Jabatan Perhutanan Sarawak.

Program latihan ini dianjurkan bertujuan untuk mengenalpasti dokumen penyiasatan dan penyimpanan barang bukti serta mengenali ciri-ciri umum pada setiap dokumen. Selain itu, peserta turut diberi penjelasan tentang peralatan pemeriksaan dokumen dan tulisan serta memperolehi pengetahuan asas mengenai prinsip-prinsip pemeriksaan tulisan tangan dan tandatangan. Setiap peserta berpeluang untuk meningkatkan kefahaman daripada aspek kemahiran sikap dan tingkah laku bagi sesuatu kes serta mengaplikasikan kemahiran risikan tersebut secara teori dan praktikal.

Program latihan ini mendapat sambutan yang sangat baik. Malah terdapat peserta yang mencadangkan agar program latihan ini diperkenalkan kepada penjawat awam yang baru menyertai perkhidmatan awam di Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN).



Sesi fotografi bersama Tn Hj Sapuan bin Ahmad, Pengarah Jabatan Perhutanan Sarawak dan Dato' Hj. Idris bin Zaharudin, Pengarah MACA.

## Konsep PDRM Diaplifikasi Dalam Perspektif Perisikan SPRM

Bertitik-tolak daripada hasil buah fikiran YBhg. Datuk Seri Azam bin Baki, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, program latihan *Intelligence Perspective Using RMP Concept* ini terlaksana dengan jayanya pada 16 hingga 18 Mei 2017 untuk pertama kalinya. Program latihan ini melibatkan seramai 30 peserta yang terdiri daripada pegawai Jabatan Perisikan dari gred P29 hingga ke gred P44.

Fokus utama pelaksanaan program latihan ini ialah untuk meningkatkan pengetahuan pegawai perisikan mengenai kemahiran dan teknik untuk mendapatkan dan menilai maklumat. Disamping itu, program latihan ini juga mampu meningkatkan kemahiran pengendalian sumber serta memberi percambahan idea dalam melaksanakan tugas-tugas operasi risikan yang lebih mencabar.

Sepanjang program latihan ini, peserta diberi pendedahan tentang ancaman-ancaman keselamatan negara, konsep keselamatan peribadi, dokumen dan pejabat, punca-punca risikan dalam membina jaringan kerja dan pelbagai lagi tugas berkaitan risikan.

Antara penambahbaikan yang diharapkan oleh para peserta ialah penglibatan pegawai Cawangan Khas PDRM sebagai penceramah serta perkongsian ilmu tentang peralatan teknikal yang digunakan oleh pihak PDRM.




Ceramah disampaikan oleh penceramah jemputan.

## **Pegawai Felda Global Ventures Holdings Berhad (FGV) Mantapkan Kemahiran Siasatan**

Selain daripada menyediakan program-program latihan untuk Pegawai SPRM, MACA turut membuka pintunya kepada agensi-agensi kerajaan dan swasta untuk berkongsi ilmu tentang pencegahan rasuah.

Felda Global Ventures (FGV) yang merupakan sebuah syarikat konglomerat pertanian dan komoditi pertanian global turut mendapatkan khidmat dan kepakaran MACA untuk mengasah kemahiran pegawai-pegawai FGV. Pada 25 hingga 27 April 2017, seramai 51 pegawai penyiasat FGV menyertai program latihan yang dikendalikan oleh Sekolah Penyiasatan dan Forensik bertempat di Pusat Latihan Polis Bantuan Felda Bukit Rokan, Gemencheh, Negeri Sembilan.

Program latihan tersebut berupaya untuk memantapkan pengetahuan dan kemahiran peserta berkaitan tugas siasatan di samping meningkatkan keyakinan diri mereka. Ia juga memberi peluang kepada para peserta untuk mengenalpasti kekuatan dan keupayaan sebagai seorang pegawai penyiasat (IO).



Kemahiran pegawai-pegawai FGV dimantapkan dalam program latihan ini.

## **Kongsi Ilmu Bersama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM)**

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia adalah badan berkanun yang ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998. Entiti ini berfungsi untuk mengawalselia dan menggalakkan pembangunan industri komunikasi dan multimedia merangkumi bidang telekomunikasi, penyiaran serta perkhidmatan internet, pos dan pensijilan digital.

Dalam usaha untuk lebih memahami bidang tugas entiti tersebut yang dapat membantu tugas siasatan SPRM, Sekolah Penyiasatan dan Forensik telah menganjurkan program latihan pada 23 hingga 25 Mei 2017 yang menarik minat seramai 32 pegawai SPRM.

Program latihan tersebut telah memberi pendedahan kepada peserta mengenai peranan dan tanggungjawab Suruhanjaya Komunikasi & Multimedia Malaysia. Selain itu, peserta mendapat gambaran yang lebih jelas mengenai pembangunan industri komunikasi dan multimedia di samping lebih memahami tugas siasatan di SKMM yang melaksanakan penguatkuasaan terhadap kesalahan-kesalahan di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.



Ilmu asas penyiasatan turut dikongsi oleh pegawai-pegawai SKMM.

## Program Latihan Kemahiran Kepeguanan: Isu-Isu Semasa

Program latihan dalam jurusan berkaitan perundangan dan pendakwaan sentiasa membuka ruang untuk membangunkan kecekapan profesional dalam bidang undang-undang bagi pegawai SPRM. 19 September 2017 menyaksikan seramai 42 orang peserta telah turut serta dalam program latihan bertajuk Kemahiran Kepeguanan: Isu-Isu Semasa yang dikendalikan oleh Sekolah Perundangan dan Pendakwaan, MACA.

Program latihan yang disertai oleh Timbalan Pendakwaraya SPRM serta pegawai-pegawai Pendakwa SPRM gred P29 hingga P48 tersebut dianjurkan dengan tujuan untuk mentakrif dan menghuraikan peruntukan undang-undang berkaitan pelucutahan harta bagi kes-kes rasuah serta kaedah amalan terbaik. Selain itu, peserta turut didedahkan dengan teknik meneliti kertas siasatan, keterangan-keterangan forensik dan penyediaan kertas pertuduhan.

Program latihan tersebut turut membuat perbandingan dan perkaitan dengan isu-isu semasa dan terkini, membincangkan permasalahan yang dihadapi serta kaedah penyelesaiannya dengan pemakaian undang-undang yang bersesuaian.



Penceramah memberi penerangan tentang isu-isu semasa berkaitan kes-kes rasuah kepada peserta.

## **Program Latihan Litigasi Rasuah**

Proses perbicaraan di mahkamah turut dikenali sebagai litigasi. Ia merupakan prosiding formal yang melibatkan dua pihak yang saling membuat pertikaian dan diadili oleh hakim di mahkamah. Bagi meningkatkan kompetensi pegawai pendakwa SPRM, Sekolah Perundangan dan Pendakwaan MACA telah menganjurkan program latihan Litigasi Rasuah dengan objektif untuk peserta mengenalpasti dan memahami peranan serta tanggungjawab sebagai pegawai pendakwa, di samping meningkatkan pemahaman berkaitan prosedur pendakwaan di mahkamah.

Program latihan ini telah berlangsung selama 2 hari iaitu mulai 20 hingga 21 Februari 2017 melibatkan seramai 20 orang peserta yang terdiri daripada Pegawai SPRM gred P29 hingga P48 serta Timbalan Pendakwaraya SPRM.

Program ini juga mampu meningkatkan pemahaman berkaitan keterangan-keterangan siasatan yang perlu diperolehi bagi keberkesanan sabitan satu kesalahan jenayah rasuah oleh mahkamah.



Kursus Litigasi Rasuah turut diadakan di dalam *Moot Court* bagi memudahkan pegawai-pegawai memahami prosedur pendakwaan di mahkamah.

## **Program Latihan Kawalan Dokumen Rahsia Rasmi SPRM Siri 2/2017**

Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO) mendefinisikan dokumen terperingkat sebagai dokumen rasmi yang mengandungi maklumat yang mesti diberi perlindungan keselamatan dengan tandaan peringkat keselamatan sama ada ‘Rahsia Besar’, ‘Rahsia’, ‘Sulit’ atau ‘Terhad’. Justeru, adalah amat penting untuk menguruskan dokumen tersebut dengan betul bagi mengelakkan sebarang ancaman keselamatan.

MACA melalui Sekolah Pencegahan Rasuah dan Pengurusan telah menganjurkan Program Kawalan Dokumen Rahsia Rasmi SPRM Siri 2/2017 pada 11 hingga 14 April 2017. Program latihan tahunan tersebut dilaksanakan untuk memberi kefahaman dan pengetahuan tentang pengendalian Dokumen Rahsia Rasmi dan Prosedur Kawalan Rahsia Rasmi di SPRM.

Selain itu, program tersebut turut menjelaskan tentang prosedur yang betul, tepat dan jelas untuk mengendalikan Dokumen Rahsia Rasmi SPRM. Di akhir program ini, kesemua 52 peserta yang terdiri daripada Pegawai yang menguruskan Dokumen Rahsia Rasmi serta Setiausaha Pejabat diharap akan sentiasa memupuk kesedaran dan sikap bertanggungjawab terhadap kawalan Dokumen Rahsia Rasmi SPRM.



Peserta mendengar penerangan daripada penceramah.



# INTEGRITI

---

## ***ENHANCING INTEGRITY PROJECT (EIP)***

### **Projek Pemantapan Integriti CelO Siri 18 Bertemakan “Melestarikan Integriti Pengurusan Alam Sekitar : Pengurangan Pembaziran Makanan”**

Program Pegawai Integriti Bertauliahan (CelO) Siri 18 Bilangan 1 Tahun 2017 merupakan program CelO pertama yang dianjurkan oleh CIDC pada tahun tersebut yang disifatkan sebagai program pembuka tirai 2017. Program ini telah berlangsung selama 4 minggu iaitu mulai 12 Februari 2017 hingga 25 April 2017 dengan melibatkan seramai 40 peserta daripada agensi Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, Badan Berkanun dan Agensi Berkaitan Kerajaan (GLC). Kepelbagaiannya latar belakang dan skop tugas peserta memberikan kelebihan kepada peserta untuk bertukar-tukar pandangan dan berkongsi pengalaman dalam skop yang lebih luas serta membentuk jaringan hubungan kerjasama yang lebih berkesan.

Modul CelO ini menghendaki penglibatan peserta membuat pembentangan tugas secara individu dan berkumpulan, menganjurkan seminar dan Projek Pemantapan Integriti atau *Enhancing Integrity Project (EIP)*, menyediakan kertas kerja serta mengadakan sesi lawatan sebagai syarat untuk peserta ditauliahkan sebagai CelO oleh Lembaga Pengiktirafan Pegawai Integriti Bertauliahan (LPPIB).

Bagi menjayakan Projek EIP CelO Siri 18 Bilangan 1 Tahun 2017, peserta dikehendaki menganjurkan satu program berkaitan pembudayaan integriti yang berkonsepkan “*down to earth*”. Program tersebut harus dikendalikan sepenuhnya oleh peserta mengikut kreativiti mereka sendiri yang melibatkan kolaborasi strategik dengan pelbagai agensi dalam negara. Peserta telah memilih tema “Melestarikan Integriti Pengurusan Alam Sekitar : Pengurangan Pembaziran Makanan”.

Penganjuran projek ini telah berjaya dilaksanakan pada 31 Mac 2017 hingga 2 April 2017 di Kampung Seri Tanjung, Alor Gajah, Melaka. Kejayaan program ini adalah hasil kolaborasi peserta dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM); Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA); Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI); Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka; Jawatankuasa Pembangunan dan Penyelarasaran Dewan Undangan Negeri (JAPERUN); Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG); Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Seri Tanjung, Alor Gajah, Melaka dan Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Melaka Kampus Jasin.

Program EIP ini turut melibatkan seramai 27 orang pelajar daripada Fakulti Perladangan dan Agroteknologi, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Melaka Kampus Jasin sebagai “*Integrity Champion*” (IC) yang berperanan sebagai sasaran utama penerapan nilai-nilai murni sepanjang program tersebut.

Majlis Perasmian Program EIP ‘Melestarikan Pengurusan Integriti Alam Sekitar: Pengurangan Pembaziran Makanan’ telah dirasmikan oleh YAB. Ketua Menteri Melaka. Antara pengisian program ialah lawatan ke tapak pameran yang disertai oleh agensi-agensi terlibat, Forum “*My Safe Food*”, sesi *Townhall* Yang Dipertua MPAG Bersama Masyarakat, aktiviti *Walkabout*, sukan rakyat, ceramah agama, ceramah integriti serta taklimat dan demonstrasi membuat baja kompos dengan penggunaan teknologi *Ezgrow*.

Program ini diakhiri dengan Majlis Perasmian Penutup yang disempurnakan oleh KPKPj Abdul Razak bin Deraof, Timbalan Pengarah (Pengurusan) MACA yang mewakili YBhg. Dato’ Seri Mohd Jamidan bin Abdullah, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pengurusan dan Profesionalisme), SPMR.



Majlis Perasmian Program EIP Siri 18.



Lukisan Mural di Laman Kreatif oleh YB Datuk Haji Md Jais bin Sarday, Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Johor sebagai simbolik perasmian program EIP Siri 19 di Kluang, Johor.

## Memperkuuh dan Membudayakan Integriti Dalam Tindakan Penguatkuasaan PBT Negeri Johor Tema EIP CelO Siri 19

Peserta Program Pegawai Integriti Bertauliah (CelO) siri 19 Bil 2 Tahun 2017 memilih tema “Memperkuuh dan Membudayakan Integriti Dalam Tindakan Penguatkuasaan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Johor” untuk Program Projek Pemantapan Integriti (EIP) pada kali ini. Ia dilaksanakan pada 18 hingga 20 Ogos 2017 di Kluang, Johor. Kumpulan sasar atau *Integrity Champion (IC)* bagi program ini melibatkan seramai 46 orang anggota penguatkuasaan PBT di negeri Johor.

Pemilihan tema projek ini adalah berdasarkan kepada salah satu teras dalam ‘Pelan Transformasi PBT di Hati Rakyat’ yang telah dilancarkan oleh YAB. Perdana Menteri Malaysia pada tahun 2016. Antara perkara yang ditekankan adalah agar semua tindakan penguatkuasaan dilaksanakan secara berintegriti dan penyelesaian perlu mengambil kira kesan kepada pembayar cukai dan masyarakat. Budaya Integriti juga turut ditekankan oleh YAB Menteri Besar Johor dalam memodenkan perkhidmatan PBT di negeri Johor.

Sepertimana program EIP terdahulu, program pada kali ini mengharapkan impak positif seperti mewujudkan hubungan kerjasama antara Kerajaan, Pihak Berkuasa Tempatan, Badan Bukan Kerajaan (NGO), sektor swasta, ketua masyarakat serta kelompok masyarakat setempat bagi memudahkan penyiaran maklumat dan aduan berkaitan kelemahan tindakan penguatkuasaan PBT.



Majlis Perasmian Penutup Program EIP siri 19 disempurnakan oleh YB. Dato' Haji Azmi bin Rohani, Setiausaha Kerajaan Negeri Johor

Di samping itu, program ini pastinya dapat mendidik masyarakat mengenai tanggungjawab bersama untuk memelihara integriti dalam penguatkuasaan undang-undang oleh PBT Negeri Johor. Paling penting, masyarakat mampu membantu dalam mengurangkan risiko gejala rasuah dalam kalangan anggota penguatkuasa PBT Negeri Johor.

Pelbagai aktiviti dirancang untuk memeriahkan acara. Antaranya Forum Integriti bertajuk "Memperkuuh dan Membudayakan Integriti Dalam Tindakan Penguatkuasaan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Johor"; gotong-royong bersama penduduk Flat Haji Manan; Lukisan Mural Integriti di Laman Kreatif; Kayuhan Integriti dan '*Integrity Walkabout*'. Bagi menjayakan projek ini, kerjasama erat bersama beberapa agensi kerajaan dan swasta diperoleh terutamanya dalam usaha untuk memberi kesedaran akan kepentingan pencegahan rasuah.

Antara agensi-agensi yang terlibat adalah Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Johor, Polis DiRaja Malaysia, Perbadanan Pengangkutan Awam Johor serta Pihak Berkuasa Tempatan Johor iaitu Majlis Bandaraya Johor Bahru, Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah, Majlis Perbandaran Kulai, Majlis Perbandaran Pasir Gudang, Majlis Perbandaran Muar, Majlis Perbandaran Batu Pahat, Majlis Daerah Tangkak, Majlis Daerah Mersing, Majlis Daerah Segamat, Majlis Daerah Kota Tinggi, Majlis Daerah Yong Peng, Majlis Daerah Simpang Renggam, Majlis Daerah Pontian, Majlis Daerah Labis dan PBT Pengerang.

Di penghujung acara, YB. Dato' Haji Azmi bin Rohani, Setiausaha Kerajaan Negeri Johor telah menyempurnakan Majlis Perasmian Penutup Program EIP Siri 19 Bil 2 Tahun 2017 dan disertai oleh Ketua-ketua Jabatan dari pelbagai agensi kerajaan dan pihak berkuasa tempatan. Dalam ucapannya, beliau mengingatkan pegawai penguatkuasaan akan keperluan untuk sentiasa berintegriti dalam menjalankan tugas dan memberi amaran kepada pegawai yang mengamalkan rasuah bahawa mereka tidak akan terlepas daripada SPRM dan undang-undang berkuatkuasa.



## Konvokesyen Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO) Kali ke-6

Pada 11 April 2017, Konvokesyen Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO) Kali ke-6 telah berlangsung di Dewan Institute of Islamic Thought and Civilization, International Islamic University Malaysia (ISTAC, IIUM), Kuala Lumpur. Majlis disempurnakan oleh Yang Berbahagia Tan Sri Zainal Rahim bin Seman, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, yang turut sudi menyampaikan Sijil Pengiktirafan kepada para graduan.

Seramai 175 graduan telah menerima pentauliahan sebagai Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO) pada kali ini yang terdiri daripada 151 orang CeIO Awam Siri 12 hingga 17/2016, 15 orang CeIO Swasta Siri 1/2016 dan 9 orang CeIO Antarabangsa Siri 4/2016. Sehingga April 2017, MACA telah melahirkan seramai 656 CeIO secara keseluruhannya.

Sejak tahun 2010, Pusat Pembangunan dan Integriti Korporat, Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia telah melahirkan graduan-graduan yang menjadi tonggak kepimpinan Unit Integriti di jabatan masing-masing dalam agenda melestarikan perjuangan kerajaan untuk melahirkan pegawai-pegawai yang berintegriti selaras dengan usaha memerangi jenayah rasuah secara global.

Secara umumnya, integriti membawa maksud pegangan dan kayu ukur nilai diri yang kompeten, profesional, jujur dan amanah sama ada sebagai penjawat awam atau anggota masyarakat. Dalam usaha melahirkan Pegawai Integriti Bertauliah yang benar-benar menghayati maksud integriti itu sendiri, adalah mustahak bagi peserta Program CeIO untuk mendalami tugas dan tanggungjawab yang perlu dipikul kelak.

Antara tugas yang diamanahkan ialah untuk memastikan pematuhan terhadap semua undang-undang, peraturan, sistem dan prosedur; menyemat budaya *zero tolerance* terhadap penyalahgunaan kuasa, rasuah dan penyelewengan; dan memberi khidmat nasihat serta rundingan kepada pihak pengurusan tertinggi jabatan masing-masing.

CeIO diyakini mampu meningkatkan keupayaan sesebuah organisasi untuk menjadi organisasi kelas pertama berdasarkan ilmu pengetahuan latihan sepanjang program yang menjamin piawaian dan kualiti, sekaligus meletakkan integriti pada kedudukan paling tinggi dalam sesebuah organisasi. CeIO juga merupakan agen yang membentuk rangkaian pegawai pakar dalam pencegahan rasuah dan menjadi pemangkin budaya kerja berintegriti.

Inisiatif yang diambil melalui Program CeIO ini sesungguhnya memberi impak yang besar dalam penyampaian perkhidmatan agensi kerajaan dan pastinya meningkatkan imej dan penampilan kerajaan yang bebas rasuah.

<b>27</b> <b>Orang</b>	CeIO Awam Siri 12/2016
<b>26</b> <b>Orang</b>	CeIO Awam Siri 13/2016
<b>22</b> <b>Orang</b>	CeIO Awam Siri 14/2016
<b>22</b> <b>Orang</b>	CeIO Awam Siri 15/2016
<b>27</b> <b>Orang</b>	CeIO Awam Siri 16/2016
<b>15</b> <b>Orang</b>	CeIO Swasta Siri 1/2016
<b>9</b> <b>Orang</b>	CeIO Antarabangsa Siri 4/2016

# Sekitar Majlis Konvokeyen Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO) Kali Ke-6




PEGAWAI INTEGRITI BERTAULIAH (CeIO) 6.0

Dikemaskini pada  
15hb. Jun 2018 Dr. Ali bin Ahmad  
Ketua Pengurusan Pengaruh

11 APRIL 2017 (Selasa)

"Strategi dan Latihan Bertauliah  
Kuala Lumpur"





# MODAL INSAN

---

## Pembelajaran Sepanjang Hayat Pegawai SPRM

SPRM sentiasa memberi ruang dan peluang kepada semua pegawai dan kakitangan SPRM untuk mempertingkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran diri. Justeru, pelbagai peluang untuk menyambung pengajian ke peringkat lebih tinggi ditawarkan kepada warga SPRM yang diuruskan oleh Pusat Perancangan, Penyelidikan dan Korporat MACA.

Berikut merupakan permohonan yang diterima sepanjang tahun 2017:-

### Permohonan Sambung Belajar Pegawai / Kakitangan SPRM 2017

	Universiti Utara Malaysia	15
	Universiti Teknologi MARA	12
	Universiti Sains Malaysia	25
	Universiti Teknologi Malaysia	2
	Universiti Malaysia Sarawak	1
	Universiti Putra Malaysia	3
	Open University Malaysia	13
	Universiti Kebangsaan Malaysia	3
	Universiti Malaya	1

## “GERAH” menghubungkan SPRM dengan masyarakat

Program Gerakan Revolusi Anti Rasuah (GERAH) diperkenalkan dengan tujuan untuk mencetuskan perubahan agresif dan drastik dalam kalangan masyarakat Malaysia. Perubahan secara menyeluruh itu diharapkan dapat meletakkan rasuah dan salahguna kuasa sebagai musuh nombor satu negara. Program tersebut bermula pada 8 Mei 2017 serentak di seluruh negara.



## **Mesyuarat Prestasi dan Pembangunan MACA 2017**

Pada 29 dan 30 November 2017, Mesyuarat Pembentangan Prestasi Pencapaian KPI MACA 2017, Mesyuarat Penetapan KPI MACA Tahun 2018 dan Mesyuarat Bulanan MACA Bil. 4/2017 telah dianjurkan di Hotel Grand Beach Resort, Port Dickson, Negeri Sembilan oleh Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA).

Penganjuran mesyuarat tersebut ternyata telah memberi impak positif dan nilai tambah kepada program-program latihan yang dijalankan oleh MACA. Selain itu, input berkaitan Analisa Keperluan Latihan (TNA) yang telah dilaksanakan dapat membantu pembangunan yang lebih cekap dan berkesan bagi merancang program-program latihan pada masa akan datang. Beberapa keputusan penting turut dicapai dalam sesi mesyuarat tersebut.



Mesyuarat Pembentangan Prestasi Pencapaian KPI MACA 2017 yang dihadiri oleh Pengarah serta Ketua-ketua Pusat dan Sekolah MACA.

## **Malaysia Tuan Rumah Anti-Corruption Agency (ACA) Forum Kali Ke-8**

Malaysia menerusi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah terpilih untuk menjadi tuan rumah Anti-Corruption Agency (ACA) Forum kali ke-8 yang diadakan pada 24 hingga 25 Mei 2017 di Hotel Pullman, Kuala Lumpur. Forum bertemakan “Peranan Masyarakat Memerangi Rasuah dan Membina Integriti” telah dirasmikan oleh Ketua Pesuruhjaya SPMR.

*Anti-Corruption Agency Forum* yang dianggotai oleh 8 agensi antarabangsa dan 5 negara pemerhati dianjurkan pada setiap 2 tahun sejak 2002. 8 agensi tersebut ialah *Australian Commission for Law Enforcement Integrity (ACLEI), Australia; New South Wales Independent Commission Against Corruption (NSW ICAC), Australia; Independent Commission Against Corruption (ICAC) Hong Kong, China; Komisi Pemberantasan Korupsi (KPK), Indonesia; Anti-Corruption and Civil Rights Commission (ACRC), Korea Selatan; Office of Ombudsman, Filipina; Corrupt Practices Investigation Bureau (CPIB), Singapura; dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Malaysia. Manakala 5 negara pemerhati iaitu Brunei, Thailand, Bhutan, Vietnam dan Taiwan.*

Forum ini dianjurkan dengan tujuan untuk berkongsi pengalaman dan amalan terbaik dalam usaha mencegah dan membanteras rasuah dalam kalangan negara ahli. Selain itu, ia juga menjadi landasan untuk meningkatkan ilmu pengetahuan mengenai perkara-perkara yang menjadi isu utama serta bertukar-tukar idea berkaitan jenayah rasuah, perkongsian kepakaran dan bantuan teknikal.

Program tersebut menyaksikan pembentangan kertas kerja oleh negara-negara ahli dan negara-negara pemerhati dalam usaha untuk membina kerjasama serantau dalam membanteras jenayah rasuah serantau.

Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) telah diberi mandat untuk mengemudi sesi lawatan di sekitar Putrajaya di penghujung program. Para peserta dibawa melawat Putrajaya dan diberi penerangan tentang tempat - tempat menarik di sekitar Putrajaya.



## **MACA Sertai Pameran Sempena Sambutan Jubli Emas SPRM**

Pada 1 Oktober 2017, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau dahulunya dikenali sebagai Badan Pencegahan Rasuah (BPR) telahpun mencecah usia Jubli Emas. Dalam tempoh tersebut, pelbagai pengiktirafan telah berjaya diraih, suka duka, pahit getir telah berjaya ditempuh dalam usaha untuk memperjuangkan integriti bagi memastikan Malaysia bebas daripada jenayah rasuah dan salahguna kuasa.

Sempena meraikan kegemilangan tersebut, satu Majlis Sambutan Ulang Tahun ke-50 penubuhan BPR/SPRM telah diadakan dengan tema “Sehati Sejiwa Memerangi Rasuah”.

Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) sebagai cabang penting SPRM turut tidak ketinggalan mengambil bahagian dalam majlis bersejarah ini dengan membuka *Booth* Pameran. Pameran ini memberi banyak manfaat kepada pengunjung berkaitan kursus-kursus terkini yang disediakan oleh MACA.

Perasmian kompleks baharu Ibu Pejabat SPRM disempurnakan oleh YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia dan diikuti dengan Perasmian Sambutan Ulang Tahun Jubli Emas SPRM oleh Ketua Pesuruhjaya SPRM.



## **Program Derma Darah MACA 2017**

Program Derma Darah telah diadakan pada 31 Julai 2017 di MACA bertujuan untuk memberi kesedaran tentang kepentingan pendermaan darah. Di samping itu, program ini juga bertujuan untuk membantu Pusat Darah Negara, Kementerian Kesihatan Malaysia mendapatkan dan menyediakan bekalan darah yang selamat dan mencukupi bagi pesakit-pesakit yang memerlukan di hospital-hospital seluruh Lembah Klang.

Acara dimulakan dengan sesi ceramah tentang pendermaan darah oleh Doktor Nadiah Norudin pada jam 8.45 pagi dan diikuti dengan aktiviti derma darah dari jam 9.30 pagi hingga 1.00 petang.

MACA berjaya mendaftarkan seramai 46 orang calon penderma pada program derma darah kali ini. Walau bagaimanapun, hanya seramai 35 orang penderma sahaja yang berjaya menderma darah dan selebihnya tidak berjaya menderma atas faktor-faktor kesihatan dan atas nasihat doktor.



## **9 Graduan Sarjana Sains Sosial (Pengajian Rasuah) UKM-SPRM Sesi 2015-2017 Tamat Pengajian**

Setelah mengharungi sesi pengajian selama 18 bulan, tibalah masanya untuk para graduan Pengajian Sarjana Sains Sosial (Pengajian Rasuah) UKM-SPRM meraikan detik gemilang mereka.

Pada 28 hingga 31 Oktober 2017 telah diadakan Majlis Konvokesyen Universiti Kebangsaan Malaysia kali ke 45 di Dewan Canselor Tun Abdul Razak, UKM. Seramai 9 graduan Pengajian Sarjana Sains Sosial (Pengajian Rasuah) UKM-SPRM sesi pengajian sesi 2015-2016 dan 2016-2017 telah diraikan pada 30 Oktober 2017.

4 daripada 9 graduan merupakan pegawai SPRM iaitu PKPj Muhamad Asri bin Dollah, PPj Suhaimi bin Man, PPj Nor Haliza binti Hassan dan PsK Mazery bin Mohd Zaini.

Majlis turut dihadiri oleh PPj Mohd Saud Ayutollah bin Abdul Manan, Penyelaras Program Pengajian Sarjana Sains Sosial (Pengajian Rasuah) UKM-SPRM, PsK Huzaime bin Husain, Ketua Sekolah Pencegahan Rasuah dan Pengurusan serta PKPs Razmy bin Zulkifli.



Gambar kenangan para graduan Program Sarjana Sains Sosial (Pengajian Rasuah) UKM-SPRM Sesi 2015-2017 di Majlis Konvokesyen UKM Kali ke-45.

## **Pendaftaran pelajar baru Program Sarjana Sains Sosial (Pengajian Rasuah) UKM-SPRM Sesi 2017-2018**

Usaha untuk menyebar luas ilmu berkaitan pengurusan rasuah diteruskan lagi dengan pengambilan pelajar baru Program Sarjana Sains Sosial (Pengajian Rasuah) UKM-SPRM Sesi 2017/2018. Majlis Taklimat dan Pendaftaran telah berlangsung pada 5 September 2017 di Dewan Tun Ismail, MACA.

Pada kali ini, pengajian melibatkan seramai 3 pegawai SPRM dan 10 pegawai daripada Agensi Luar. Seperti sebelumnya, program kerjasama ini dilaksanakan oleh Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi untuk tempoh 18 bulan.



Sesi pendaftaran pelajar baru Program Sarjana Sains Sosial (Pengajian Rasuah).

## Bengkel Pemantapan Komunikasi Penjawat Awam

Usaha bagi memastikan penjawat awam memberikan perkhidmatan yang sentiasa memenuhi kehendak masyarakat adalah sangat penting.

Justeru, pada 22 hingga 24 Februari 2017, Sekolah Pencegahan Rasuah dan Pengurusan telah menganjurkan Bengkel Pemantapan Komunikasi Penjawat Awam yang bertujuan untuk meningkatkan kefahaman tentang konsep perhubungan awam dalam perkhidmatan awam. Selain itu, bengkel tersebut turut memberi penekanan terhadap kemahiran teknik-teknik berkomunikasi dalam menjalankan tugas harian sebagai penjawat awam.

Bengkel tersebut telah dihadiri oleh seramai 24 orang peserta yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan SPRM.



Pelbagai aktiviti dan teknik komunikasi yang diajar kepada peserta program latihan.

## Program Latihan *Effective Communication Skills (ECS)*

Program latihan *Effective Communication Skills* telah diadakan sebanyak tiga sesi iaitu pada 20 hingga 23 Februari 2017, 13 hingga 16 Mac 2017 dan 10 hingga 13 April 2017 di Dewan Brunei, Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia anjuran Pusat Pengajian Antarabangsa.

PPj Nik Nurzai binti Mohd Zainudin yang mempunyai pengalaman luas dalam mengajar subjek ini telah berkongsi ilmu pengetahuan dan kemahiran dengan 40 orang peserta yang terdiri daripada pegawai SPRM pelbagai bahagian, negeri dan cawangan di seluruh Malaysia.

Penekanan khusus diberikan kepada aspek komunikasi dan juga penulisan dalam Bahasa Inggeris bertujuan untuk menambahkan pengetahuan para pegawai dalam penguasaan Bahasa Inggeris dan juga meningkatkan keyakinan para peserta untuk bertutur.

Manakala seramai 10 orang peserta program latihan *Effective Communication Skills* yang telah berjaya menamatkan program latihan tersebut kemudiannya menyertai program latihan “*English Communication Skills (Advance)*” yang telah diadakan pada 11 hingga 14 September 2017, 2 hingga 5 Oktober 2017 dan 6 hingga 8 November 2017. Ia merupakan kursus lanjutan yang menyediakan medium pembelajaran Bahasa Inggeris secara interaktif. Pada kali ini peserta program latihan dibimbing oleh PPj Shamina Ali.



Interaksi dua hala peserta dengan PPj Nik Nurzai binti Mohd Zainudin dalam kursus *Effective Communication Skills*.

## **Premier Transformational Leadership Development Programme (PTLDP) untuk JUSA C**

Dalam usaha untuk melahirkan barisan kepimpinan yang berwibawa, adalah menjadi tanggungjawab Pusat Kecemerlangan Kepimpinan SPRM (MLEC) untuk menyediakan program latihan yang menjurus ke arah tersebut.

Pada 10 hingga 12 Oktober 2017, satu program kepimpinan bertajuk *Premier Transformational Leadership Development Programme (PTLDP)* 2017 yang dikendalikan oleh YBhg. Datuk Faridah Hanim binti Haron telah dilaksanakan di Dewan Pahang, MACA dan dihadiri oleh seramai 14 orang Pemimpin Strategik SPRM gred JUSA C.

Dalam program yang dirangka khusus untuk pemimpin di peringkat strategik ini, setiap peserta telah didedahkan kepada jenis-jenis kepimpinan yang berlaku di seluruh dunia dengan merujuk kepada kaedah kepimpinan masa kini iaitu *VUCA World* serta perbezaan di antara *Transactional Leadership* dan *Transformational Leadership*.

Selain itu, peserta turut didedahkan dengan kaedah mewujudkan “*Coaching Culture*” menggunakan Model ‘GROW’ serta pendekatan berstruktur dalam memberikan maklum balas dengan menggunakan Model ‘OILS’. Di dalam program yang padat dengan ilmu kepimpinan ini, peserta juga didedahkan dengan teknik berkesan dalam penyelesaian masalah melalui modul “5 Step Method in Problem Solving”.

Di penghujung sesi, peserta dinilai melalui beberapa kaedah penilaian kepimpinan yang memberi gambaran mengenai cara para peserta berfikir, mengenalpasti kaedah dan proses pembuatan keputusan setiap peserta serta mengenalpasti jenis kepimpinan yang ada dalam diri setiap peserta melalui “*DOPE Test*” serta beberapa ujian kepimpinan yang lain.



# **Majlis Perbarisan Tamat Latihan Kursus Asas Pegawai SPRM Berlangsung Gemilang**

Majlis Perbarisan Tamat Latihan Kursus Asas Pegawai SPRM bagi tahun 2017 telah berlangsung di Pusat Latihan Polis (PULAPOL), Kuala Lumpur pada 14 September 2017. Penganjuran Majlis tersebut di PULAPOL, Kuala Lumpur adalah sebagai satu usaha menyahut cabaran kerajaan melaksanakan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS).

Seramai 150 kadet dan 73 pegawai telah menyertai perbarisan yang disempurnakan oleh Ketua Pesuruhjaya, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Daripada jumlah tersebut, 90 kadet merupakan peserta Kursus Asas Pegawai SPRM Siri 20 Bilangan 1/2016 dan Siri 21 Bilangan 2/2016 yang menyandang jawatan Penolong Penguin P29. 60 kadet lagi merupakan peserta Siri 22 Bilangan 1/2017 yang terdiri daripada 50 penyandang jawatan Penguin P41 dan 10 Penolong Penguin P29.

Kadet Nur Falihin binti Ahmad Fadillah telah terpilih untuk menerima Anugerah Kadet Terbaik bagi Siri 20 Bilangan 1/2016 dan Siri 21 Bilangan 2/2016. Manakala Kadet Siti Syahira binti Sheikh Mohamad dinobatkan sebagai penerima Anugerah Akademik Terbaik siri yang sama. Kadet Mohd Soni bin Ahmad pula dinobatkan sebagai penerima Anugerah Kadet Terbaik Siri 22 Bilangan 1/2017 dan Kadet Haniff bin Lami menerima Anugerah Akademik Terbaik.

Di samping itu, majlis tersebut turut menyaksikan buat julung-julung kalinya seramai 73 pegawai SPRM yang telah menjalani Kursus Peralihan iaitu kursus kenaikan pangkat daripada gred P29, P32 dan P38 kepada gred P41 dan P42 (Pengurusan dan Profesional) menyertai perbarisan.



## Lawatan



**16 Mac 2017**

Lawatan Rasmi Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC)



**6 April 2017**

Lawatan Kepimpinan Tingkatkan Integriti, Sekretariat Pencegahan Rasuah, Universiti Malaysia Sabah (UMS)



**17 Mei 2017**

Lawatan Rasmi Perpustakaan Negara Malaysia



**11 Julai 2017**

Lawatan Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO)



**9 Ogos 2017**

Lawatan Pusat Kepimpinan Tentera Laut Diraja Malaysia (PK TLDM)



**25 Ogos 2017**

Lawatan Delegasi Pejabat Perundangan & Unit Integriti Universiti Sains Malaysia



**18 September 2017**

Lawatan Nottingham Trent University  
(NTU)



**20 September 2017**

Lawatan dan Taklimat Delegasi  
Transparency International (TI) Cambodia



**10 Oktober 2017**

Lawatan Delegasi Kumpulan Wang  
Simpanan Pekerja (KWSP) Sesi 2



**15 November 2017**

Lawatan Kerja Kementerian Perdagangan  
Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan  
(KPDNKK)



**2 Oktober 2017**

Lawatan Kerja oleh Ketua-Ketua Agensi  
Pencegahan Rasuah Bhutan dan Sri Lanka



# PENGURUSAN

---

## Peruntukan Mengurus MACA


Bahagian Pengurusan MACA bertanggungjawab untuk memastikan perbelanjaan mengurus digunakan secara berhemah. Justeru, perancangan rapi telah diatur sejak awal lagi bagi mengelakkan pembaziran.

Peruntukan mengurus bagi tahun 2017 adalah sebanyak RM 12,027,814.89 (**Carta 1**). Prestasi perbelanjaan peruntukan mengurus pula berjaya mencapai 92.8% (**Carta 2**).

**Carta 1** : Peruntukan Mengurus 2014 hingga 2017




**Carta 2** : Peruntukan dan perbelanjaan Mengurus 2017



## Perjawatan MACA

Berdasarkan Waran Perjawatan A198 tahun 2016, terdapat sejumlah 128 perjawatan yang merangkumi pegawai SPRM dan pegawai gunasama pada tahun 2017. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 97 jawatan telah diisi yang menyumbang sebanyak 75.8% dan terdapat sebanyak 31 kekosongan pada tahun 2017 (**Jadual 1**).



**Jadual 1** : Perjawatan MACA bagi tahun 2017

PERJAWATAN	WARAN PERJAWATAN	PENGISIAN	KEKOSONGAN
Pegawai SPRM	63	41	22
Pegawai Gunasama	65	56	9
<b>JUMLAH</b>	<b>128</b>	<b>97</b>	<b>31</b>

## Fasiliti MACA

### Asrama

Selain menyediakan program latihan, MACA turut menyediakan kemudahan asrama yang mampu menempatkan 250 peserta dalam satu masa (**Jadual 2**):

**Jadual 2 : Kategori bilik asrama MACA**

JENIS BILIK	KELAYAKAN	JUMLAH BILIK
Suite	Gred 52 dan ke atas	20
Deluxe	Gred 41 dan ke atas	60
Twin-sharing	Terbuka	40
Dorm	Terbuka	20
<b>JUMLAH</b>		<b>140</b>

Pada tahun 2017, seramai 3,487 peserta telah membuat tempahan asrama apabila menjalani program latihan di MACA (**Jadual 3**).

**Jadual 3 : Tempahan asrama MACA oleh peserta kursus**

BULAN (2017)	TEMPAHAN ASRAMA OLEH PESERTA KURSUS
JANUARI	Tiada Tempahan
FEBRUARI	194
MAC	404
APRIL	307
MEI	327
JUN	195
JULAI	326
OGOS	500
SEPTEMBER	301
OKTOBER	216
NOVEMBER	527
DISEMBER	190
<b>JUMLAH</b>	<b>3,487</b>

## Makmal Komputer

MACA turut memiliki 2 buah makmal komputer yang dilengkapi dengan komputer, pencetak, projektor, sistem audio dan Internet yang boleh memuatkan seramai 30 pengguna pada satu masa untuk setiap makmal. Penggunaan makmal komputer pada tahun 2017 (**Jadual 4**):

**Jadual 4** : Kekerapan penggunaan makmal komputer

BULAN	PENGGUNAAN MAKMAL KOMPUTER 2017
JANUARI	Tiada Tempahan
FEBRUARI	1. Pendaftaran akaun CISM bagi pematuhan 5 prinsip di bawah Ikrar Integriti Korporat (CIP) oleh kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.
MAC	1. Kursus Pengurusan Rekod dan Sistem Teras. 2. Program Penyediaan Bajet 2018 oleh Ibu Pejabat SPRM.
APRIL	1. Kursus Asas Pegawai SPRM Siri 20/Bil 1/2016 oleh Pusat Latihan Asas. 2. Kursus Asas Pegawai SPRM Siri 21 Bil 2/2016 oleh Pusat Latihan Asas. 3. Kursus Asas Pegawai SPRM Siri 22 Bil 1/2017 oleh Pusat Latihan Asas. 4. Kursus Peralihan (Pengurusan dan Profesional) Siri 3/2017 oleh Pusat Latihan Asas. 5. Bengkel Pemurnian Data Kerangka Keberhasilan OBB Peringkat SPRM oleh Ibu Pejabat SPRM.
MEI	1. Kursus Pengukuhan Aplikasi “Food Safety Information System Malaysia (FOSIM)” Domestik oleh Jabatan Kesihatan Malaysia. 2. CRIS Data Entry dan Latihamal oleh Ibu Pejabat SPRM.
JUN	1. Kursus Asas Pegawai SPRM Siri 22 Bil 2/2017 oleh Pusat Latihan Asas
JULAI	Penyelenggaraan dan baik pulih
Ogos	Penyelenggaraan dan baik pulih
SEPTEMBER	Penyelenggaraan dan baik pulih
OKTOBER	1. Kursus Pemantapan Siasatan Perbankan dan Insurans Siri 2/2017
NOVEMBER	1. Train the Trainers: Modul Pendaftaran Bangunan Aplikasi MYSPATA Fasa 2 oleh Jabatan Kerja Raya. 2. Bengkel Pengurusan Gaji IGFMAS oleh PDRM. 3. Pengurusan Kebersihan Makanan oleh Jabatan Kesihatan Malaysia.
DISEMBER	Tiada Tempahan

## Fasiliti MACA



Dewan Tun Ismail



Makmal Komputer



Dewan Kuliah



Perpustakaan



Moot Court



Bilik Mesyuarat Utama



Asrama



Video Interviewing Room

## Lawatan Bermaklumat Ke Pesta Buku 2017

Perpustakaan MACA telah menganjurkan lawatan bermaklumat ke Pesta Buku Antarabangsa 2017 pada 28 April 2017. Pesta Buku Antarabangsa 2017 telah diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) bermula pada 28 April 2017 sehingga 7 Mei 2017.

Seramai 20 orang pegawai dan kakitangan MACA telah menyertai lawatan yang diketuai oleh Penolong Pustakawan MACA iaitu Puan Noor Hasni binti Abdul Rahim dan dibantu oleh Pembantu Pustakawan MACA, Puan Norliana binti Osman dan Cik Nudra Syafini binti Abdul Munir.

Objektif lawatan ini adalah untuk memberi peluang kepada pegawai dan kakitangan MACA memilih dan memperoleh bahan bacaan yang berkualiti serta terkini. Selain itu, ia bertujuan untuk meneruskan usaha-usaha merangsang dan mempromosikan budaya membaca di kalangan pegawai dan kakitangan MACA. Program ini sekaligus membuktikan usaha MACA untuk membentuk budaya membaca dalam kalangan pegawai dan kakitangan.



## Lawatan Ke Perpustakaan Bank Negara Malaysia

Perpustakaan MACA telah menganjurkan lawatan penanda arasan ke Perpustakaan Bank Negara Malaysia pada 18 Mei 2017 (Khamis). Seramai 7 orang pegawai dan kakitangan MACA telah menyertai lawatan yang diketuai oleh PKPj Zamal bin Abd Rahman.

Lawatan ini dianjurkan untuk mengetahui dengan lebih mendalam lagi tentang kemudahan, perkhidmatan, sistem dan koleksi yang disediakan pihak Perpustakaan Bank Negara Malaysia kepada pengguna. Selain itu, lawatan ini juga telah memberi peluang kepada Perpustakaan MACA dan Perpustakaan Bank Negara Malaysia untuk membina jaringan atau *networking* di samping saling bertukar pendapat dan idea.



## **Program Literasi Maklumat & Media - Taklimat Penggunaan U- PUSTAKA**

U- Pustaka adalah perkhidmatan atas talian yang dipelopori oleh Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) untuk memudahkan rakyat Malaysia mengaksesnya di mana sahaja.

Sejajar dengan itu, Perpustakaan MACA mengambil inisiatif untuk menjalankan satu taklimat penggunaan U- Pustaka pada 31 Mei 2017 bertempat di Makmal Komputer, Blok Utama MACA. Turut diadakan adalah pendaftaran ahli U-Pustaka.

Taklimat Penggunaan U- Pustaka adalah taklimat berkaitan perkhidmatan bimbingan dan pendidikan atas talian mengenai penggunaannya kepada pegawai dan kakitangan MACA dan SPRM.

Matlamat utama adalah untuk membina kemahiran mengakses pelbagai bahan dan sumber maklumat secara berkesan serta membimbing pegawai dan kakitangan MACA supaya mampu menggunakan bahan dan perkhidmatan perpustakaan dengan cekap, berkesan dan berdikari. Selain itu juga, taklimat ini memberi pendedahan kepada pegawai dan kakitangan MACA tentang cara menggunakan perkhidmatan, kemudahan dan koleksi Perpustakaan.

Taklimat ini juga memberi kefahaman tentang kaedah dan strategi pencarian maklumat yang cekap dan berkesan serta membina keupayaan mengenalpasti dan mengakses maklumat daripada pelbagai sumber bercetak dan elektronik. Selain itu, ianya membina keyakinan diri dalam memperolehi ilmu dan maklumat untuk pembelajaran, pengajaran dan penyelidikan.



## Inspektorat Anugerah Khas Keselamatan Perlindungan 2017

Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia telah tercalon di dalam Inspektorat Anugerah Khas Keselamatan Perlindungan oleh Pejabat Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia. Pemeriksaan telah dilaksanakan pada 7 hingga 9 Ogos 2017.

Pelaksanaan Inspektorat ini merupakan tanggungjawab rutin Pejabat KPKK yang bertujuan untuk membantu meningkatkan serta memantapkan aspek keselamatan fizikal, dokumen, peribadi dan ICT serta memberi khidmat nasihat berkaitan agensi kerajaan.

Atas komitmen jitu daripada seluruh pasukan Unit Keselamatan, MACA telah memperoleh skor pencapaian sebanyak 90% dan diberi penarafan 4 bintang (baik).



Pemeriksaan Kad Kuasa & Pas Keselamatan



Kawalan keselamatan pintu masuk MACA



Pemerhatian Televisyen Litar Tertutup (CCTV)



Rondaan sekitar kawasan MACA secara rutin



# PUSPANITA

---

## **Konvoi Berbasikal Wanita 2017 Sempena Hari Wanita Antarabangsa**

Hari Wanita Antarabangsa disambut pada 8 Mac setiap tahun. Bagi meraikan kecemerlangan wanita, seramai 8 orang wakil PUSPANITA MACA telah menyertai Konvoi Berbasikal Wanita yang dianjurkan khusus untuk meraikan wanita.

Acara tahunan yang berlangsung pada 11 Mac 2017 tersebut telah mencatat rekod dengan penyertaan seramai 11,412 penunggang basikal wanita yang berkayuh sejauh 10km dan 25km bermula dan berakhir di Dataran Kehakiman, Putrajaya.



## **Kelas Masakan Korea**

Wanita dan aktiviti memasak sememangnya tidak dapat dipisahkan. Tanpa melepaskan peluang keemasan, pada 12 Mei 2017, warga PUSPANITA MACA telah menjemput Puan Jeong Eun Sook serta sahabat beliau, Puan Byun Gyeong Hwa untuk memberi tunjuk ajar tentang teknik beberapa masakan Korea seperti Kimchi dan Kimbab di kafeteria MACA.

Puan Jeong Eun Sook merupakan isteri kepada Encik Kim Su Hwan, Timbalan Pengarah Anti-Corruption and Civil Right Commission (ACRC) Korea Selatan yang sedang menjalani penempatan kerja selama 2 tahun di MACA.



## **Majlis ‘Quran Hour’**

Program anjuran bersama Puspanita dan Ahli Jawatankuasa Surau Al-Ghazali MACA ini diadakan selama satu jam iaitu pada jam 12.00 tengahari sehingga jam 1.00 petang. Majlis *Quran Hour* berlangsung pada 19 Jun 2017 bersamaan dengan 24 Ramadhan 1438H ( Isnin ) di Surau Al-Ghazali MACA.

Program ini adalah untuk mengajak dan menggalakkan ahli Puspanita supaya membaca, memahami dan mengamalkan ajaran yang terkandung dalam al-Quran serta memupuk sifat cintakan Al-Quran dalam kalangan ahli Puspanita secara khususnya.



## **Ceramah Jom Tanya Ustaz “Kelebihan Bulan Muharram Untuk Kita”**

Ceramah Jom Tanya Ustaz bertajuk “Kelebihan Bulan Muharram Untuk Kita” telah diadakan pada 20 September 2017 bertempat di Auditorium Ibu Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Putrajaya. Ceramah ini dianjurkan oleh Puspanita Ibu Pejabat SPRM.

Seramai 20 orang wakil PUSPANITA MACA diberi pendedahan tentang kelebihan dan manfaat Bulan Muharram.



## Program ‘Jom Sihat’

Bagi memberi galakan kepada warga MACA menjalani gaya hidup lebih sihat, Puspanita MACA telah mengadakan program ‘Jom Sihat’ pada bulan Mac 2017.

Aktiviti kecergasan asas dan tarian zumba dijalankan pada setiap hari Khamis, jam 5.00 petang di Gimnasium MACA.

Program ini bertujuan memupuk rasa tanggungjawab dalam kalangan ahli mengenai kepentingan penjagaan kesihatan.



## Majlis Hi-Tea Puspanita

Puspanita MACA telah mengadakan Majlis *Hi-Tea* tahunan pada 21 Disember 2017 bertempat di Dewan Seraya, Hotel Seri Pacific Kuala Lumpur.

Majlis turut diserikan lagi dengan kehadiran YBhg. Dato' Hj Idris bin Zaharudin, Pengarah MACA dan merangkap Penasihat PUSPANITA MACA; YBhg. Datin Hjh Mas'amah binti Ibrahim, Pengurus PUSPANITA MACA dan PPj Zakaria bin Taib, wakil Presiden Kelab Kebajikan dan Rekreasi MACA.







# KELAB KEBAJIKAN & REKREASI MACA

---

## **Program Gotong- Royong dan Keceriaan MACA 2017**

Pada 12 Mei 2017, Kelab MACA telah bersama berganding bahu menjayakan Program Gotong-Royong dan Keceriaan MACA bertempat di lot parkir Blok B, MACA. Program ini merupakan salah satu cara untuk memupuk semangat kerjasama dan mengeratkan lagi hubungan silaturahim di antara pegawai dan kakitangan MACA di samping meningkatkan keceriaan MACA.

Antara pengisian program ini adalah aktiviti menanam pokok dan mengecat pasu-pasu bunga di sekitar MACA. Majlis diserikan dengan kehadiran YBhg. Dato' Norazlan bin Mohd Razali, Pengarah MACA.



Warga MACA bersemangat bergotong-royong bersama-sama bagi mencantikkan kawasan MACA.

## **Ceramah Pengurusan Stres**

Dalam usaha untuk menjaga kesihatan warga MACA, satu program ceramah Pengurusan Stres telah dianjurkan oleh Kelab Kebajikan dan Rekreasi MACA pada 19 Mei 2017 bertempat di Dewan Tun Ismail, MACA.

Program ini diadakan bagi memberi kefahaman kepada pegawai dan kakitangan MACA mengenai pentingnya pengurusan stress di tempat kerja serta implikasi stres terhadap individu, keluarga dan rakan sekerja serta kesannya terhadap kualiti kerja.

Ceramah telah disampaikan oleh Encik Rafe bin Sultan yang berpengalaman selama 20 tahun dalam bidang sumber manusia serta sering diundang untuk memberi ceramah berkaitan motivasi dan pengurusan stres.



## Iftar ‘Tautan Kasih Ramadhan’ MACA 2017

Sempena Ramadhan Al- Mubarak 1438 Hijrah, Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) telah menganjurkan program Iftar Tautan Kasih Ramadhan MACA 2017 dengan kerjasama Kelab Kebajikan dan Rekreasi MACA, Jawatankuasa Surau Al-Ghazali MACA serta PUSPANITA MACA.

Tujuan utama program ini adalah untuk menyampaikan sumbangan ikhlas kepada anak-anak yatim dan asnaf di samping mengeratkan silaturrahim di kalangan pegawai, kakitangan MACA dan kadet SPRM yang sedang melaksanakan rukun Islam ketiga bagi hari yang ke 19 di bulan Ramadhan 1438 Hijrah.

Acara dimulakan di Dewan Tun Ismail, MACA dengan tazkirah ringkas oleh Al-fadhil Ustaz Ahmad Khairuddin Mohd Noor bertajuk “Hakikat dan Tujuan Puasa di Bulan Ramadhan” dan diikuti dengan penyerahan sumbangan Hari Raya kepada kira-kira 40 orang anak-anak yatim dan asnaf daripada Sekolah Kebangsaan Sungai Tua, Ulu Yam, Selangor. Sumbangan telah disampaikan oleh YBhg. Dato’ Sri Mohd Jamidan bin Abdullah, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pengurusan dan Profesionalisme) SPRM dan diiringi oleh YBhg. Dato’ Norazlan bin Mohd Razali, Pengarah MACA.

Usai berbuka puasa di kafeteria MACA, semua jemputan serta anak-anak yatim dan asnaf yang diraikan telah bersama-sama menunaikan solat fardhu maghrib, tahlil ringkas, solat Isyak dan diikuti dengan solat tarawikh dan moreh.

Antara jemputan khas yang turut hadir ialah YBhg. Dato’ Rohaizad bin Yaakob, Pengarah Bahagian Kecemerlangan dan Profesionalisme SPRM, YBhg. Dato’ Pauzan bin Ahmar, Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan SPRM, dan KPKPj Mohammad Soib bin Hj Abdullah, Pengarah Bahagian Keselamatan SPRM.



## **Majlis ‘Raikan Lebaran’ Anjuran Sektor Pengurusan & Profesionalisme SPRM Sempena Hari Raya Aidilfitri 2017**

Sebagai satu tradisi sejak dulu, MACA pasti tidak ketinggalan untuk mengadakan Jamuan Hari Raya bagi sama-sama meraikan hari kemenangan bagi umat Islam. Justeru, pada 18 Julai 2017, majlis tersebut telah dilaksanakan dan lebih bermakna ia merupakan anjuran keseluruhan Bahagian-bahagian di bawah Sektor Pengurusan & Profesionalisme SPRM Sempena Hari Raya Aidilfitri 2017 yang bertempat di Dewan Makan Fasa II, MACA. Program seumpama ini telah berjaya memupuk semangat kerjasama dalam kalangan pegawai dan kakitangan di bawah sektor Pengurusan dan Profesionalisme. Di samping itu, ia berjaya mengeratkan hubungan di antara bahagian terbabit.

Majlis diserikan dengan kehadiran YBhg. Tan Sri Dzulkifli bin Ahmad, Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Bagi memeriahkan majlis, setiap pusat, sekolah dan bahagian bergabung tenaga menghias gerai-gerai makanan yang menghidangkan pelbagai juadah yang memikat selera.

Turut menyerikan acara adalah kehadiran YBhg. Dato' Norazlan bin Mohd Razali, Pengarah MACA, pengarah-pengarah bahagian di bawah Sektor Pengurusan & Profesionalisme SPRM, pegawai-pegawai serta kakitangan di bawah Sektor Pengurusan dan Profesionalisme termasuk pegawai dan kakitangan Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA).



## **Majlis Sambutan Maulidur Rasul 1439H peringkat MACA Disambut Sederhana**

Sambutan Maulidur Rasul saban tahun menuntut umat Islam menghayati dan mencontohi ketabahan serta kesungguhan Rasulullah S.A.W dan para sahabatnya menegakkan syiar Islam sehingga terpancar kecemerlangan dan kegemilangan Islam merentasi dunia hingga ke hari ini. Bersempena peringatan tersebut, MACA dengan kerjasama Surau Al-Ghazali MACA, Kelab Kebajikan dan Rekreasi MACA serta PUSPANITA MACA telah mengadakan sambutan secara sederhana pada 8 Disember 2017.

Majlis diserikan dengan persempahan selawat serta puji-pujian ke atas Nabi Muhammad S.A.W oleh Kumpulan Nasyid Imtiyaz dan diikuti dengan ceramah bertajuk “Kasih dan Cinta Kepada Rasulullah S.A.W” yang disampaikan oleh Al-Fadhil Ustaz Nik Mohd Sukiman bin Nik Yusof. Ceramah beliau menyingskap sejarah keperibadian Rasulullah S.A.W yang wajib dicontohi oleh umat Islam seluruhnya.

Di penghujung majlis, YBhg. Dato' Hj. Idris bin Zaharudin, Pengarah MACA, diiringi oleh Al-Fadhil Ustaz Nik Mohd Sukiman bin Nik Yusof serta pegawai-pegawai kanan SPRM dan seluruh warga MACA sama-sama melaguakan selawat dan salam buat nabi junjungan Muhammad S.A.W.



## **Majlis Perpisahan Lambaian Kasih 2017**

Pada 31 Julai 2017, Kelab Kebajikan dan Rekreasi MACA telah menganjurkan Majlis Perpisahan Lambaian Kasih 2017 sempena pertukaran YBhg. Dato' Norazlan bin Mohd Razali, Pengarah Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) ke Pejabat Eksekutif Ketua Pesuruhjaya Ibu Pejabat SPRM, Putrajaya berkuakuasa 1 Ogos 2017 di Dewan Tun Ismail, MACA.

Turut diraikan adalah pegawai-pegawai SPRM yang bertukar dari MACA ke bahagian lain berkuakuasa 1 Ogos 2017. Antaranya P/KPKPj Azizul bin Ahmad Sarkawi, PKPj Mohamad Faizal bin Sadri, PPj Azlan bin Abd Aziz, PPj Hairuzzaki bin Mohd Yusof dan PPj Nik Nurzai binti Mohd Zainudin.



## Majlis ‘White, Blue & Jeans Gala Dinner MACA 2017’

Pada 29 November 2017, Kelab Kebajikan dan Rekreasi MACA Sesi 2017-2018 telah mengadakan Majlis Makan Malam “*White, Blue and Jeans Gala Dinner*” bertempat di *Ballroom Grand Beach Resort*, Port Dickson, Negeri Sembilan.

Antara aktiviti yang diadakan adalah pertandingan karaoke MACA 2017 dan juga acara cabutan bertuah. Majlis Makan Malam tersebut turut diserikan dengan kehadiran YBhg. Dato' Haji Idris bin Zaharudin, Pengarah MACA bersama keluarga.

Pada sebelah siangnya, Mesyuarat Pembentangan Prestasi Pencapaian KPI MACA 2017, Mesyuarat Penetapan KPI MACA Tahun 2018 dan Mesyuarat Bulanan MACA Bil. 4/2017 telah diadakan dan melibatkan sebahagian besar pegawai dan kakitangan MACA.





# LAMPIRAN

---

## **PAKAIAN KHIDMAT HARIAN (*BUSH JACKET*) PEGAWAI SURUHANJAYA LELAKI**



## **PAKAIAN KHIDMAT HARIAN (*BUSH JACKET*) PEGAWAI SURUHANJAYA WANITA**







# SIDANG REDAKSI

Laporan Tahunan MACA 2017

1. KPKPj Ismajuri bin Ismail
2. PsK Abdul Malek bin Abdullah
3. Ps Firdaus bin Umar @ Adli
4. Pn. Ayunawati Aminah binti Abdul Majid
5. En. Saidin Omar bin Muchlis
6. Pn. Norul Hazlina binti K Mohamed Atar
7. Pn. Suryana binti Sulaihin
8. Pn. Noor Hayati binti Yusoff
9. Pn. Hairulnisak binti Kassim
10. PPs(K) Nur Shahida Azlin binti Mohamad Dee



© Hak Cipta Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA)

Hak Cipta ini adalah milik Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA). Kesemua atau mana-mana bahagian laporan ini boleh disalin dengan syarat pengakuan sumber dibuat atau kebenaran diperolehi daripada MACA. MACA menyangkal sebarang tanggungjawab, waranti dan liabiliti sama ada secara nyata atau tidak ke atas sebarang salinan penerbitan yang dibuat tanpa kebenaran MACA. Adalah perlu untuk memaklumkan penggunaan. Hak Cipta terpelihara.































